




KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

2024




Excellent Accounting, Sustainable Future

LAPORAN TAHUNAN

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

2024



Excellent Accounting, Sustainable Future



KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

© Cetakan Pertama, 2025

Hak Cipta Terpelihara Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Hak cipta terpelihara.

Laporan Tahunan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (ISSN 1394-7184)
diterbitkan secara tahunan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada
bahan cetakan ini atau memindahkannya ke dalam sebarang bentuk melalui sebarang
cara, sama ada secara elektronik atau mekanik, termasuk fotokopi, rakaman atau
sebarang bentuk penyimpanan maklumat dan sistem menyalin,
sebelum mendapat keizinan bertulis daripada
Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Diterbitkan oleh:

Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 Putrajaya.

E-mel: korporat@anm.gov.my

No. telefon: 03-8882 1000

Laman web: www.anm.gov.my

ISI KANDUNGAN



PERUTUSAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA	1
ASPIRASI TIMBALAN AKAUNTAN NEGARA (OPERASI)	3
ASPIRASI TIMBALAN AKAUNTAN NEGARA (KORPORAT)	4
<i>INSIGHT</i> PENGARAH BAHAGIAN	5
MENGENAI LAPORAN INI	11
PROFIL JANM	
• LATAR BELAKANG	13
• CARTA ORGANISASI	16
• VISI, MISI DAN OBJEKTIF	17
• NILAI BERSAMA DAN ETIKA KERJA	21
• WARGA KAMI	23
TADBIR URUS	
• KAEDAH TADBIR URUS	27
• <i>STAKEHOLDER ENGAGEMENT</i>	28
JAWATANKUASA LAPORAN BERSEPADU	31
PENCAPAIAN, PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN	33
PENCIPTAAN NILAI	37
IKHTISAR KEMAMPAHAN: JANM DAN PIAWAIAN PERAKAUNAN ISLAM	41
PENENTUAN MATERIALITI	45
RISIKO	51
MATLAMAT JANM MAMPAN	55
MATLAMAT DAN PRESTASI STRATEGIK	61
MAKLUMAT KEWANGAN	67
SOROTAN MAKLUMAT PENCIPTAAN NILAI	71
JANM PRIHATIN	89
DIARI 2024	95
LAMPIRAN	109

PERUTUSAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Assalamualaikum w.b.t., Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Dengan penuh rasa kesyukuran, saya merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada seluruh warga Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) atas kecekalan, profesionalisme dan iltizam yang tinggi dalam mendukung amanah yang telah digalas sepanjang tahun 2024. Tahun ini telah membuka satu era baharu bagi jabatan dengan memperlihatkan pencapaian signifikan dan satu fasa transformasi untuk memperkukuh kecekapan dan ketelusan tadbir urus kewangan awam menerusi pendekatan yang lebih digital, cekap dan responsif.

Berdasarkan tema *Excellent Accounting, Sustainable Future* (Perakaunan Cemerlang, Masa Depan Mampan), laporan ini menzahirkan komitmen JANM terhadap pembangunan perakaunan negara yang berwibawa, mampan dan diyakini selari dengan aspirasi Malaysia MADANI yang mengangkat nilai-nilai ihsan, keadilan dan kemampanan dalam pentadbiran negara.

Laporan Tahunan JANM 2024 disediakan untuk merakamkan pencapaian sepanjang tahun 2024 merangkumi prestasi, inisiatif strategik dan pencapaian utama jabatan sekali gus menjadi gambaran kepada daya tahan struktur organisasi JANM yang berasaskan integriti, inovasi dan profesionalisme. Ketiga-tiga nilai ini kekal sebagai teras utama kepada pelaksanaan reformasi perakaunan sektor awam yang bersifat inklusif dan berorientasikan masa hadapan.

Hasil daripada sinergi antara pelbagai bahagian, negeri dan cawangan JANM yang melibatkan usaha pengumpulan data menyeluruh, analisis prestasi serta pelaporan yang sistematik dan telus, kita telah menunjukkan keupayaan untuk bukan sahaja memenuhi keperluan semasa, malah bersedia untuk menghadapi cabaran masa depan melalui adaptasi teknologi dan pendigitalan proses.

Laporan ini juga turut menjadi cerminan wawasan jabatan dalam memperkukuh sistem pengurusan kewangan dan perakaunan kerajaan yang berlandaskan prinsip kelestarian. Ia juga menjadi titik tolak kepada transformasi yang lebih menyeluruh dengan menyasarkan pembaharuan sistemik yang dapat memenuhi tuntutan persekitaran kewangan global yang pantas berubah.

Dalam memperkukuh aspek teknikal dan penyelarasan sistem, sepanjang tahun 2024 JANM telah meluluskan sebanyak 47 permohonan reka bentuk sistem kewangan dan saluran terimaan yang memberi impak langsung kepada kecekapan tatakelola di Kementerian dan agensi. Penganugerahan Sijil Pematuhan *Standard Accounting System for Government Agencies* (SAGA) kepada agensi yang menepati keperluan standard turut membuktikan komitmen jabatan dalam memastikan ketelusan dan pematuhan yang tinggi terhadap sistem kawal selia kewangan negara.



Selain itu, peluasan sistem pembayaran digital (iPayment) serta penambahbaikan dalam pengurusan transaksi kewangan telah memberi ruang kepada pelaksanaan proses yang lebih cekap dan bersifat masa nyata. Langkah ini bukan sahaja menyokong inisiatif digitalisasi sektor awam, malah memperkukuh kepercayaan masyarakat terhadap kecekapan sistem kewangan negara.

Keupayaan pengurusan sistem perakaunan di kementerian dan jabatan juga terus diperkukuh dengan pelaksanaan semakan ke atas aset serta kawalan pelaporan yang lebih teliti. Proses ini menyumbang kepada peningkatan ketepatan data dan kebolehpercayaan rekod kewangan kerajaan. Dalam masa yang sama, penggubalan dokumen strategik jabatan turut memainkan peranan penting dalam pembangunan kompetensi dan hala tuju pengurusan modal insan secara menyeluruh dan mampan.

Seiring dengan matlamat peralihan kepada sistem perakaunan akruan yang lebih mantap, sebanyak tujuh (7) polisi dan interpretasi baharu telah diperkenalkan bagi membantu kementerian dan agensi kerajaan menyesuaikan amalan perekodan serta pelaporan selaras dengan piawaian terkini. Pelbagai inisiatif latihan melalui siri webinar dan bahan interaktif telah dilaksana untuk meningkatkan kefahaman teknikal serta membina kapasiti warga perakaunan sektor awam di pelbagai peringkat.

JANM juga komited dalam menjalin hubungan strategik dengan institusi pengajian tinggi melalui kajian kolaboratif dan penyelidikan yang memberi tumpuan kepada pembangunan ilmu dan inovasi dalam bidang perakaunan sektor awam. Di samping itu, perhatian khusus turut diberikan kepada aspek keselamatan siber dan pengukuhan sistem teknologi maklumat bagi menjamin kestabilan operasi digital serta ketahanan sistem dalam jangka panjang.

Bagi menambah baik pengurusan Wang Tak Dituntut (WTD), JANM telah mengambil langkah merealisasikan pindaan perundangan serta pelaksanaan sistem yang lebih automatik dan berorientasikan pelanggan. Langkah ini telah mempercepatkan proses tuntutan dan membuka akses yang lebih luas kepada orang awam sekali gus menyumbang kepada peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Di bidang pengauditan pula, pelaksanaan penyata pra-akruan serta audit berfokus telah membantu menambah baik kawalan dalaman dan mewujudkan asas kukuh bagi meningkatkan integriti sistem kewangan negara. Ia juga memperkukuh keyakinan semua pihak berkepentingan terhadap ketelusan dan akauntabiliti kerajaan dalam pengurusan sumber awam.

Kejayaan sepanjang tahun 2024 adalah hasil usaha bersama dan semangat berpasukan yang jitu dalam kalangan warga JANM. Ia tidak hanya menzahirkan keberkesanan pelaksanaan strategi jabatan, malah memperlihatkan kesiapsiagaan organisasi untuk terus berkembang dan menyesuaikan diri dalam landskap kewangan yang sentiasa berubah.

Menjelang tahun 2025 dan seterusnya, kita akan terus memantapkan kedudukan JANM sebagai institusi utama dalam bidang perakaunan sektor awam. Fokus utama akan diberikan kepada pembaharuan dasar, pemerkasaan digitalisasi serta pembangunan kompetensi berterusan bagi menjamin pelaksanaan amalan terbaik dalam tadbir urus kewangan negara.

Dengan semangat kebersamaan dan tekad yang utuh, saya yakin kita mampu mengekalkan kecemerlangan dan mencapai aspirasi bersama dalam membentuk masa depan yang lebih mampan untuk negara tercinta.

ASPIRASI TIMBALAN AKAUNTAN NEGARA (OPERASI)

Assalamualaikum w.b.t., Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Syukur Alhamdulillah atas limpah rahmat dan inayah-Nya, tirai tahun 2024 berjaya dilabuhkan dengan pencapaian prestasi JANM yang membanggakan, hasil komitmen dan dedikasi seluruh warga perkhidmatan perakaunan.

Tahun 2024 menyaksikan kejayaan JANM mencapai kemajuan strategik yang dirancang, memperkukuh sistem dan proses perakaunan dan kewangan sektor awam serta menzahirkan nilai-nilai teras yang mendasari aspirasi nasional. Berbekalkan iltizam tinggi dan kepimpinan kolektif, JANM telah berjaya menggerakkan pelbagai inisiatif, membuktikan komitmen terhadap ketelusan, akauntabiliti dan profesionalisme. Kejayaan JANM tahun 2024 antaranya adalah penghasilan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) yang memperoleh Sijil Audit Tanpa Teguran, pindaan Akta Wang Tak Dituntut (WTD) 1965 yang telah diluluskan oleh Parlimen, pelaksanaan *Robotic Process Automation* (RPA) dalam sistem eGUMIS, Pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat iGFMS dengan piawaian ISO/IEC 27001:2022 serta penetapan polisi dan interpretasi baharu yang menyokong pelaksanaan MPSAS secara lebih meluas dan konsisten.

YAB Perdana Menteri telah memberi penekanan tentang keperluan untuk berani membawa perubahan dengan meninggalkan budaya lama demi memperbaiki dan memperkukuh sistem yang ada demi rakyat dan negara. Justeru itu, sebagai pemegang amanah sistem perakaunan sektor awam negara, JANM perlu tampil sebagai peneraju perubahan, pencetus pemikiran, penasihat strategik dan juga pemangkin tadbir urus lestari.

Dalam landskap global yang semakin menuntut tanggungjawab bersama, JANM menyokong Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals* - SDG) dan mengintegrasikan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (*Environmental, Social and Governance* - ESG) dalam strategi pelaporan kewangan yang telus, beretika dan responsif. PKKP bukan lagi sekadar laporan tetapi instrumen strategik pengurusan kewangan negara. Kita harus mengambil peluang ini untuk meningkatkan libat urus dengan pihak berkepentingan melalui pemantapan analisis data yang komprehensif, agar maklumat yang dibentangkan bukan sahaja tepat, malah boleh dimanfaatkan untuk membantu proses pembuatan dasar negara.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada seluruh warga JANM dan rakan strategik atas kesungguhan, ketekunan dan kebersamaan dalam menjayakan agenda JANM.

Usaha berpasukan yang digerakkan dengan kepercayaan, integriti dan tanggungjawab telah membentuk asas yang kukuh untuk kita terus mara dengan lebih yakin.

Ayuh kita terus melangkah dengan berani, berinovasi tanpa kompromi terhadap integriti dan menzahirkan perkhidmatan yang bukan sahaja cemerlang dari segi teknikal tetapi juga strategik dan berkepimpinan. Profesion perakaunan sektor awam bukan lagi hanya merekodkan transaksi tetapi menganalisa data kewangan dan bukan kewangan bagi membantu pengurusan atasan dalam pembuatan keputusan. Ianya melibatkan pemerkasaan kepimpinan, keberanian membuat keputusan dan seterusnya menjadi tunjang kepada masa depan negara yang lestari.

"JANM milik kita."

NOORLIDA BINTI MOHD KHALID c.A.(M)
Timbalan Akauntan Negara (Operasi)

ASPIRASI

TIMBALAN AKAUNTAN NEGARA (KORPORAT)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum w.b.t., Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Dengan penuh kesyukuran, saya merakamkan penghargaan kepada seluruh warga JANM atas komitmen, kesungguhan dan dedikasi yang telah ditunjukkan sepanjang tahun 2024. Kecemerlangan yang dicapai bukan sekadar angka dan laporan tetapi juga cerminan usaha kolektif, inovatif dan iltizam warga JANM untuk menambah nilai dalam setiap perkhidmatan yang dilaksanakan sekali gus mencipta perubahan yang bermakna dan berimpak tinggi.

Pelaporan Bersepadu adalah pelaporan yang menggabungkan maklumat kewangan dan bukan kewangan bagi melaporkan strategi, tadbir urus dan prestasi jabatan untuk mencipta nilai tambah jabatan. Pendekatan Pelaporan Bersepadu yang diterapkan menunjukkan komitmen JANM untuk menyampaikan gambaran yang holistik, menyokong inisiatif kemampunan dan memberi manfaat berterusan kepada semua pihak berkepentingan. Ini adalah seiring dengan tuntutan semasa terhadap keterbukaan dan akauntabiliti serta selaras dengan tema laporan *Excellent Accounting, Sustainable Future* (Perakaunan Cemerlang, Masa Depan Mampan).

Dalam era baharu yang menuntut kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti, JANM terus memacu pemodenan sistem kewangan kerajaan. Penambahbaikan berterusan iGFMS dan iSPEKS serta pengenalan sistem iPayment membuktikan komitmen jabatan dalam memudahkan urusan orang awam, membudayakan transaksi digital dan menyokong peralihan kepada Perakaunan Akruan yang berteraskan integriti.

Inisiatif-inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan dan ketelusan, malah membuka ruang baharu kepada tadbir urus yang lebih responsif dan berteraskan maklumat yang tepat. Dalam landskap digital masa kini, keselamatan dan inovasi bukan lagi pilihan. Ia adalah keperluan untuk memperkukuh asas tadbir urus kewangan negara yang mampan, telus dan diyakini orang awam.

Keutuhan sistem tidak akan bermakna tanpa kekuatan modal insan. Justeru, pembangunan modal insan kekal sebagai keutamaan JANM. Latihan, pentauliah dan pengukuhan nilai integriti serta kepimpinan bukan sekadar pelengkap malah menjadi keutamaan dalam membina perkhidmatan awam yang berwibawa dan dipercayai. Inisiatif ini sejajar dengan hasrat JANM untuk membentuk generasi akauntan sektor awam yang bukan sahaja mahir dalam aspek teknikal, tetapi juga bersifat progresif, berintegriti dan berdaya tahan.

Setiap langkah yang diambil adalah demi satu matlamat utama iaitu memastikan pengurusan kewangan negara berfungsi bukan sekadar sebuah sistem dan pelaporan, tetapi berupaya membentuk ekosistem kewangan awam yang responsif, telus dan berorientasikan rakyat.

Semoga segala pencapaian tahun 2024 menjadi pemangkin kepada perubahan berterusan yang lebih progresif pada tahun mendatang. JANM komited untuk terus menjadi pemacu kepada tadbir urus kewangan negara yang mampan dan penuh integriti.



ZAINANI BINTI JUSOH C.A.(M)
Timbalan Akauntan Negara (Korporat)

INSIGHT PENGARAH BAHAGIAN



TUAN HAJI NASRAN BIN OMAR C.A.(M)

Pengarah Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA)

Tahun 2024 menandakan satu lagi pencapaian penting bagi BPOPA dalam usaha untuk memperkukuhkan pengurusan kewangan Kerajaan Persekutuan. Berpandukan kepada objektif utama, BPOPA telah berjaya memastikan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) disediakan dengan lengkap dan tepat serta memenuhi panduan undang-undang, dasar dan prinsip perakaunan yang diterima umum.

Antara pencapaian utama pada tahun ini adalah penghasilan PKKP Asas Tunai Ubahsuai yang telah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara pada 28 Februari 2024 dan mendapat Sijil Audit Tanpa Teguran pada 29 Julai 2024. PKKP yang dibentangkan di Parlimen pada 14 Oktober 2024 melambangkan komitmen BPOPA terhadap ketelusan dan akauntabiliti.

Selain itu, BPOPA juga mencatatkan keuntungan pelaburan tetap dan hibah berjumlah RM1,285 juta, iaitu 122% melebihi sasaran ditetapkan. Ini mencerminkan keberkesanan strategi pelaburan yang terus memberikan hasil positif kepada pengurusan kewangan negara.

BPOPA kekal komited dalam memperkukuh kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan, memastikan ketelusan, kecekapan dan keberkesanan dalam setiap aspek tanggungjawab. Bersama BPOPA melangkah ke hadapan untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada negara.

YM RAJA NORLIDAH BINTI RAJA ISMAIL C.A.(M)

Pengarah Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD)



Sebagai peneraju dalam memastikan pengurusan kewangan Kerajaan Persekutuan yang telus dan berakauntabiliti, BPAD komited untuk memastikan penyediaan Penyata Kewangan Pra Peralihan Akruan Kementerian yang mematuhi piawaian perakaunan serta peraturan semasa yang berkuat kuasa. BPAD juga memastikan kawalan dalaman yang kukuh bagi mengurangkan risiko ketidakpatuhan dan penyelewengan dalam pengurusan kewangan dan perakaunan jabatan.

Selain itu, keutamaan diberikan kepada ketepatan perakaunan bagi setiap terimaan dan bayaran kerajaan serta pelaksanaan Pengauditan Penyiasatan Khas (Forensik) bagi mengenal pasti sebarang kelemahan dalam pengurusan kewangan di jabatan, agensi dan syarikat milik kerajaan. BPAD turut berperanan memastikan kepatuhan dalam aspek pengurusan kewangan dan akaun menjadi salah satu faktor utama dalam proses kenaikan pangkat melalui Verifikasi Laporan Prestasi Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Bagi Kenaikan Pangkat Ketua Jabatan Gred Utama JUSA C dan Ke Atas.

BPAD turut memastikan Laporan Akaun Belum Terima dibuat dengan tepat serta memberikan khidmat nasihat yang komprehensif kepada Kementerian, Jabatan dan agensi bagi meningkatkan kecekapan dan kepatuhan terhadap peraturan kewangan yang ditetapkan. Dengan pendekatan yang strategik dan berdisiplin, BPAD berusaha untuk memperkukuh sistem kewangan kerajaan ke arah tadbir urus yang lebih cekap dan berkesan.

TUAN HAJI ZAHARIN BIN OTHMAN C.A.(M)Pengarah Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (**BPOPP**)

Bagi memastikan JANM terus cemerlang, usaha ke arah operasi Pejabat Perakaunan yang lebih mampan sentiasa diteruskan dengan memberikan perkhidmatan yang cekap, terbaik dan cemerlang. Perkara yang masih perlu diberi perhatian adalah memperkemarkan tatakelola pengoperasian Pejabat Perakaunan dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) melalui garis panduan dan arahan operasi yang jelas.

Pemahaman dan penambahbaikan ke atas *Standard Operating Procedure* (SOP) atau proses kerja hendaklah sentiasa ditingkatkan. Pusingan kerja, kerja berpasukan dan mahir dalam menjalankan tugas juga sentiasa dititikberatkan bagi memastikan budaya kerja yang cemerlang di setiap Pejabat Perakaunan.

Bagi memantapkan pengurusan Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan Persekutuan oleh Pejabat Perakaunan, BPOPP telah memperkemarkan aspek pemantauan ke atas pelaksanaan naziran oleh Pejabat Perakaunan antaranya melalui pelaporan secara berkala dan berterusan. Objektif adalah untuk memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap polisi, piawaian dan peraturan perakaunan akruan melalui pengurusan naziran yang sistematik termasuk pemantauan berterusan dan pelaporan yang komprehensif.

Pemantauan melalui pelaporan yang komprehensif ini juga adalah sebagai salah satu langkah bagi meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan, seterusnya dapat mencegah dari berlakunya kesilapan atau penyelewengan yang akan mengakibatkan kehilangan wang awam.

**TUAN HAJI MOHD AZRAAI BIN MD AZNAN C.A.(M)**Pengarah Bahagian Khidmat Perunding (**BKP**)

Dalam memastikan perkhidmatan perundingan dan kelulusan bagi permohonan reka bentuk sistem kewangan dan perakaunan kepada Kementerian dan Jabatan Persekutuan, BKP telah meluluskan permohonan reka bentuk sistem kewangan dan perakaunan serta saluran terimaan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.

Sistem aplikasi perakaunan dan kewangan yang dibangunkan oleh agensi kerajaan perlu memenuhi kriteria pematuhan SAGA selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) yang berkuat kuasa. Sehubungan itu, JANM telah menganugerahkan Sijil Pematuhan SAGA kepada agensi kerajaan yang telah mematuhi kriteria SAGA pada tahun 2023 dan 2024.

Selain itu, BKP juga melaksanakan pengemaskinian SPANM bagi memastikan semua tatacara kewangan dan perakaunan sentiasa dikemas kini selaras dengan peraturan semasa yang berkuat kuasa untuk dijadikan rujukan dan panduan semua Kementerian dan Jabatan.

Selaras dengan dasar kerajaan ke arah *cashless society* dan penyediaan kemudahan transaksi tanpa tunai, BKP komited melaksanakan peluasan penggunaan Sistem Terimaan Elektronik Kerajaan Persekutuan (iPayment) di pelbagai Kementerian dan Jabatan Persekutuan. Sesi libat urus diadakan bagi memperluaskan penggunaan iPayment sebagai medium pembayaran elektronik di Kementerian dan Jabatan.

Penambahbaikan sistem iSPEKS juga akan dipergiatkan supaya kestabilan sistem dapat dipertingkatkan sebelum pelaksanaan Perakaunan Akruan. Ini selaras dengan hala tuju JANM sebelum iSPEKS diserahkan sepenuhnya kepada Kerajaan Negeri dalam tempoh lima (5) tahun akan datang.



PUAN ZETI AZLIDA BINTI ZAKARIA C.A.(M)
Pengarah Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA)

Sebagai pusat rujukan perakaunan sektor awam, JANM memberi fokus kepada pemantapan dasar perakaunan kerajaan melalui kajian ke atas pelaksanaan piawaian dan polisi perakaunan yang berkuat kuasa serta memantapkan pelaksanaan perakaunan akruan melalui kolaborasi bersama Kementerian, Jabatan dan agensi Kerajaan.

Pada tahun 2024, tujuh (7) polisi dan interpretasi baharu perakaunan akruan telah dikeluarkan oleh JANM. Polisi ini dapat membantu Kementerian terutamanya Bahagian Akaun dalam menyelesaikan isu perekodan dan transaksi kewangan.

JANM juga komited memastikan persediaan ke arah pelaksanaan perakaunan akruan berjalan dengan lancar terutama dari segi aspek ketersediaan warga perakaunan dengan pengetahuan piawaian dan aspek teknikal perakaunan. Bagi memastikan objektif ini berjalan lancar, inisiatif Kumpulan *Center of Reference* (CORE) diteruskan. Kumpulan CORE ini telah membangunkan poket *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) iaitu medium baharu memperkenalkan MPSAS dalam bentuk yang lebih mudah difahami dan melaksanakan beberapa webinar akruan kepada semua warga perakaunan. Pembangunan dan pelaksanaan ini akan diteruskan pada tahun 2025.

PUAN FAZIYATUN BINTI MOHAMED YAHYA C.A.(M)
Pengarah Bahagian Akaun Kementerian Kewangan (BA MOF)



BA MOF adalah salah satu bahagian di JANM yang bertanggungjawab memastikan perakaunan kewangan dan perakaunan pengurusan Kementerian Kewangan dilaksanakan dengan efisien dan berintegriti melalui kawalan serta pemantauan sistem perakaunan yang efektif.

Sepanjang tahun 2024, BA MOF telah mengeluarkan 12 Penyata Kewangan Kementerian Kewangan mengikut tempoh ditetapkan. BA MOF juga telah membuat semakan ke atas semua (100%) ID Aset Tak Alih Tanah dan Bangunan Kementerian Kewangan yang telah diperakaunkan seperti pada 31 Disember 2023 bagi tujuan pelaksanaan Naziran Khas Aset Tahun 2024. Secara keseluruhan, daripada 1,507 ID aset yang telah disemak, 326 ID aset didapati tidak bersih disebabkan dokumen sokongan tidak lengkap atau tidak diperakaunkan dengan tepat dan memerlukan tindakan pembetulan atau pembersihan pada tahun 2025. Melalui aktiviti perundingan dan pemantauan kepada PTJ dan Pejabat Pemungut, BA MOF akan memastikan pematuhan peraturan perakaunan dan kewangan bagi mengurangkan risiko ketidakpatuhan dan ketirisan wang awam.

Dalam melaksanakan Perakaunan Pengurusan di sektor awam, BA MOF telah menghasilkan *Blueprint* Perakaunan Pengurusan 2024 - 2025 sebagai kesinambungan kepada *Blueprint* Perakaunan Pengurusan Sektor Awam 2018 - 2023 yang menjelaskan hala tuju strategik Perakaunan Pengurusan Kerajaan Persekutuan dan memperincikan pelan tindakan bagi tempoh dua (2) tahun bermula dari tahun 2024 hingga 2025.

Pada tahun 2025, BA MOF akan meneruskan usaha memantapkan pelaksanaan pengurusan Perakaunan Kewangan supaya tepat dan telus serta fokus kepada pemantapan pelaksanaan Perakaunan Pengurusan Sektor Awam melalui penyediaan SPANM Perakaunan Pengurusan dan penyediaan rangka kerja bagi Laporan Bersepadu (*Integrated Reporting* - IR) Kementerian Kewangan sebagai langkah permulaan bagi pelaksanaan Laporan Bersepadu (IR) di peringkat Kementerian.

ENCIK TARMIZI BIN TAMBY CHIK C.A.(M)**Pengarah Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP)**

BPPP memainkan peranan yang penting dalam penggubalan dasar dan polisi jabatan, penyediaan keperluan sumber manusia serta pembangunan kerjaya pegawai perkhidmatan perakaunan. Di samping itu, BPPP juga bertanggungjawab membangun dan melaksanakan piawaian perakaunan selari dengan dasar kerajaan dan keperluan terkini.

Pengurusan dan pembangunan modal insan JANM pada tahun 2024 diperkukuhkan dengan pelaksanaan pusingan kerja yang berstruktur dan sistematik, pelaksanaan kajian pembangunan kerangka pelan penggantian serta program pengiktirafan dan penganugerahan kepada warga skim perkhidmatan perakaunan.

Dalam merangka hala tuju jabatan serta pembudayaan inovasi dan pengurusan pengetahuan, BPPP telah menghasilkan Pelan Strategik JANM 2024 - 2025, Panduan Pelaksanaan Pengurusan Pengetahuan, Panduan Pengurusan Taksonomi dan Pelan Inovasi 2025 bagi memastikan jabatan kekal relevan dan mengikut perkembangan terkini.

Pada tahun 2025, BPPP komited untuk membangunkan Sistem Pengurusan Kompetensi dan Pelan Operasi Latihan bagi memastikan kesinambungan pengurusan modal insan. Hala tuju jabatan dalam tempoh lima (5) tahun akan datang dirangka melalui Pelan Strategik JANM Tahun 2026 - 2030 dengan tema "Perakaunan dan Kewangan Mampan Melalui Pendigitalan".

PUAN NAWIAH BINTI MOHET C.A.(M)**Pengarah Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut (BWTD)**

Tahun 2024 menandakan langkah penting dalam memperkukuh pengurusan Wang Tak Dituntut (WTD) ke arah sistem kewangan yang lebih cekap, telus dan mampan. Selaras dengan tema laporan, usaha terus dipertingkatkan dalam memperluas kesedaran awam dan memastikan pengurusan WTD lebih cekap dan berkesan.

Pindaan Akta WTD 1965 yang diluluskan oleh Parlimen pada tahun ini menunjukkan komitmen JANM dalam memperkemaskan pengurusan WTD agar lebih relevan dengan keperluan semasa, telus serta menjamin kepentingan orang awam.

Seiring pendigitalan kerajaan, *Robotic Process Automation* (RPA) diperkenalkan dalam *Electronic Government Unclaimed Money Information System* (eGUMIS) bagi mempercepatkan pemprosesan tuntutan dan mengurangkan birokrasi. Sistem eGUMIS juga terus ditambah baik dengan integrasi pangkalan data untuk memudahkan pemohon menyemak dan menuntut WTD secara dalam talian.

Kebertanggungjawaban dalam pengurusan WTD bukan sahaja mengoptimumkan sumber ekonomi negara, malah menyumbang kepada kesejahteraan orang awam serta kestabilan kewangan negara dalam jangka panjang. Dengan pindaan perundangan, automasi proses serta penambahbaikan sistem digital seperti eGUMIS, JANM yakin bahawa sistem WTD akan terus berkembang menjadi lebih efisien, telus dan inklusif. JANM akan terus memperkasa inovasi, meningkatkan kecekapan sistem, serta memastikan setiap pihak berkepentingan mendapat manfaat daripada ekosistem WTD yang lebih maju dan mampan.



ENCIK SHARIZON BIN SALLEH c.a.(M)
Pengarah Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM)

BPTM komited memastikan jaminan maklumat yang komprehensif untuk melindungi Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Kerajaan Bersepadu (iGFMS) di JANM supaya objektif keselamatan ICT Sektor Awam dapat dicapai. Justeru itu, JANM telah berjaya memperoleh audit pematuhan tahun pertama 2024 dengan standard baharu ISMS ISO/IEC 27001:2022 yang merupakan pendekatan amalan terbaik standard antarabangsa bagi memastikan tahap keselamatan Sistem iGFMS berada di dalam keadaan optimum.

BPTM sedang melaksanakan pelbagai inisiatif strategik bagi menyokong agenda transformasi Kerajaan Digital, khususnya dalam aspek digitalisasi dan automasi perkhidmatan awam. Fokus utama adalah pembangunan sistem perakaunan dan kewangan kerajaan baharu berasaskan teknologi awan, dengan kajian menyeluruh terhadap arkitektur bisnes, data, aplikasi, teknologi dan infrastruktur. Usaha ini dijangka mempertingkatkan kecekapan sistem, meningkatkan fleksibiliti serta memperkukuh asas transformasi digital JANM.

Selain itu, automasi juga adalah sebahagian daripada usaha BPTM untuk memastikan JANM terus berada di barisan hadapan dalam penerapan teknologi terkini, selaras dengan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) JANM 2024 – 2025. Pelaksanaan inisiatif automasi bukan sahaja mencerminkan komitmen JANM terhadap transformasi digital, tetapi juga menunjukkan usaha berterusan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam pengurusan kewangan dan perakaunan melalui teknologi yang terkini dan mampan. Semoga usaha yang berterusan ini akan menjadikan JANM sebagai peneraju kepada digitalisasi kerajaan di sektor awam selari dengan *tagline* JANM *Excellent Accounting @ Your Service*.

DR. AHMAD SHUKRI BIN ABDUL GANI c.a.(M)
Pengarah Institut Perakaunan Negara (IPN)




Pelaksanaan aktiviti IPN yang berlandaskan kepada Pelan Strategik JANM 2024 – 2025 dan Pelan Strategik IPN 2022 – 2026 memberi fokus untuk meningkatkan kompetensi penjawat awam dalam bidang perakaunan dan kewangan melalui program latihan dan penyelidikan yang berkualiti. Pada tahun 2024, IPN telah merekodkan penganjuran 490 siri kursus dengan kehadiran seramai 20,631 peserta termasuk empat (4) program perakaunan profesional dan enam (6) program pentauliah. Iltizam untuk memberikan perkhidmatan berkualiti selari dengan pengiktirafan MS ISO 9001:2015 dibuktikan melalui pencapaian skor penilaian bagi kandungan kursus dan penilaian penceramah dengan skor 93.6% dan 95.7%.

IPN turut berperanan dalam melaksanakan aktiviti pembangunan penyelidikan melalui kerjasama penyelidikan dan penerbitan ilmiah. Penerbitan IPN *Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management* yang telah memasuki edisi ke-14 sejak tahun 2014 kini telah berjaya memperoleh penarafan pengindeksan MyCite yang mengiktiraf kualiti dan kredibiliti penerbitan jurnal ini. Jalinan kerjasama bersama dengan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) diwujudkan melalui penawaran enam (6) Geran Penyelidikan Perakaunan dan Kewangan Sektor Awam untuk meningkatkan amalan terbaik perakaunan dan kewangan.

Pada tahun 2025, IPN akan memfokuskan kepada tiga (3) perkara utama iaitu pengiktirafan sebagai Pusat Latihan Bertauliah di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), penawaran kursus berbentuk strategik dan berimpak tinggi serta pendayaupayaan hasil kajian penyelidikan. Inisiatif ini akan memantapkan pencapaian visi IPN sebagai peneraju Pusat Kecemerlangan yang progresif dalam bidang perakaunan dan kewangan sektor awam.

MENGENAI LAPORAN INI



MENGENAI LAPORAN INI

Laporan Tahunan JANM 2024 dengan tema *Excellent Accounting, Sustainable Future* (Perakaunan Cemerlang, Masa Depan Mampan) merupakan dokumen pelaporan yang dihasilkan dengan pendekatan Pelaporan Bersepadu (IR) bagi menyampaikan maklumat berkaitan fokus, pencapaian dan inisiatif yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024. Laporan ini menekankan kepada penciptaan nilai dan hubungan antara strategi, tadbir urus, prestasi dan prospek JANM dalam konteks persekitaran dalaman dan luaran.

Tema *Excellent Accounting, Sustainable Future* dipilih bersesuaian dengan peranan JANM dalam menerajui kecemerlangan perakaunan sektor awam dan selari dengan agenda nasional ke arah pembangunan mampan melalui pelaksanaan inisiatif strategik berikut:

- Peningkatan prestasi operasi.
- Penambahbaikan pelaporan kewangan.
- Pengukuhan sistem digital.
- Pembangunan kompetensi dan modal insan.

Inisiatif strategik yang dilaksanakan pada tahun 2024 telah berjaya memastikan sistem kewangan dan perakaunan kekal berintegriti, telus dan responsif terhadap keperluan dan kehendak pihak berkepentingan.

Laporan ini turut mengenal pasti beberapa risiko utama dari segi pelaporan, kawalan dan pematuhan, operasi dan kompetensi pegawai. Langkah mitigasi telah digerakkan melalui pemantauan berterusan, pelaksanaan dasar yang berkesan dan inovasi perkhidmatan bagi memastikan kelangsungan operasi dan pengurusan yang mampan.


JANM kekal komited untuk memperluas keterlibatan pihak berkepentingan, memantapkan integriti dalam pengurusan kewangan serta menyokong pembangunan mampan melalui pelaporan yang lebih telus dan holistik. Komitmen ini mencerminkan hala tuju strategik jabatan untuk menyumbang ke arah sektor awam yang progresif, responsif dan mampan.

Laporan ini merupakan pernyataan komitmen semua warga JANM dan pegawai Skim Perakaunan di dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada kerajaan dan orang awam. Ia juga adalah sebahagian daripada inisiatif komunikasi strategik bagi menyebarkan aspirasi JANM dalam mewujudkan sistem perakaunan sektor awam yang cekap, berwibawa dan menyumbang secara langsung ke arah masa depan negara yang mampan.



NILAI DICIPTA		OBJEKTIF	
YU	MB	PENCAPAIAN UTAMA 2024	
MODEL	Nilai Dicipta	1	2
1. Meningkatkan prestasi operasi	1. Meningkatkan prestasi operasi	1. Meningkatkan prestasi operasi	1. Meningkatkan prestasi operasi
2. Meningkatkan prestasi operasi	2. Meningkatkan prestasi operasi	2. Meningkatkan prestasi operasi	2. Meningkatkan prestasi operasi
3. Meningkatkan prestasi operasi	3. Meningkatkan prestasi operasi	3. Meningkatkan prestasi operasi	3. Meningkatkan prestasi operasi
4. Meningkatkan prestasi operasi	4. Meningkatkan prestasi operasi	4. Meningkatkan prestasi operasi	4. Meningkatkan prestasi operasi
5. Meningkatkan prestasi operasi	5. Meningkatkan prestasi operasi	5. Meningkatkan prestasi operasi	5. Meningkatkan prestasi operasi
6. Meningkatkan prestasi operasi	6. Meningkatkan prestasi operasi	6. Meningkatkan prestasi operasi	6. Meningkatkan prestasi operasi
7. Meningkatkan prestasi operasi	7. Meningkatkan prestasi operasi	7. Meningkatkan prestasi operasi	7. Meningkatkan prestasi operasi
8. Meningkatkan prestasi operasi	8. Meningkatkan prestasi operasi	8. Meningkatkan prestasi operasi	8. Meningkatkan prestasi operasi
9. Meningkatkan prestasi operasi	9. Meningkatkan prestasi operasi	9. Meningkatkan prestasi operasi	9. Meningkatkan prestasi operasi
10. Meningkatkan prestasi operasi	10. Meningkatkan prestasi operasi	10. Meningkatkan prestasi operasi	10. Meningkatkan prestasi operasi

PROFIL JANM




LATAR BELAKANG

Sejak beberapa dekad yang lalu, peranan dan fungsi JANM telah mengalami beberapa perubahan selaras dengan perkembangan sektor awam. Kini, JANM terdiri daripada sepuluh (10) Bahagian, 13 Pejabat Negeri dan sebelas (11) Cawangan. Manakala Bahagian Akaun yang mewakili JANM di Kementerian adalah sebanyak 29 termasuk Cawangan Akaun, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).




13 NEGERI 11 CAWANGAN



BAHAGIAN AKAUN



Jabatan Perdana Menteri
55 | 78 | 85



Kementerian Kewangan
20 | 149 | 45



Kementerian Pengangkutan
9 | 183 | 25



Kementerian Kerja Raya
28 | 161 | 49




Kementerian Pertahanan
56 | 22 | 87



Kementerian Luar Negeri
3 | 5 | 6



Kementerian Pendidikan Tinggi
19 | 141 | 20



Kementerian Dalam Negeri
39 | 710 | 1,126



Kementerian Sumber Manusia
12 | 160 | 12



Kementerian Belia dan Sukan
5 | 88 | 4



Kementerian Perpaduan Negara
8 | 39 | 12



Kementerian Digital
5 | 2 | 3



Kementerian Ekonomi
3 | 3 | 22



Kementerian Komunikasi
12 | 42 | 59



Kementerian Pendidikan Malaysia
182 | 79 | 912



Kementerian Kesihatan Malaysia
43 | 21 | 49



Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
12 | 85 | 32



Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
38 | 32 | 34




Kementerian Perlindungan dan Komoditi
1 | 1 | 1



Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
8 | 168 | 7



Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
9 | 35 | 7



Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
3 | 3 | 2



Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
7 | 8 | 29



Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
10 | 6 | 9



Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air
39 | 28 | 11



Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
16 | 17 | 46



Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
2 | 2 | 3



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
3 | 77 | 9



Jabatan Kastam Diraja Malaysia
- | 130 | -

● Bil. PTJ
● Bil. Pejabat Pemungut
● Bil. Pusat Pembayar Gaji

AKAUNTAN NEGARA

Jawatan Akauntan Negara yang pertama telah disandang oleh G.G.T Browne pada tahun 1946. Mulai tahun 1967, kepimpinan JANM telah diambil alih oleh anak tempatan. Sehingga kini, JANM telah diterajui oleh seramai 17 orang Akauntan Negara.

Senarai nama Akauntan Negara dari tahun 1946 hingga sekarang adalah seperti berikut:




Nota:

En. Mohamad Roslan bin Abdullah memangku jawatan Akauntan Negara pada tahun 1963.

CARTA ORGANISASI

(seperti pada 31 Disember 2024)



VISI, MISI DAN OBJEKTIF

VISI

Sebagai Peneraju Terbilang dalam Perakaunan Kewangan dan Perakaunan Pengurusan Sektor Awam.

MISI

Mengukuhkan Pengurusan Kewangan Sektor Awam secara berhemat dengan dasar yang progresif dan sistem perakaunan yang efisien menerusi kakitangan profesional dan kolaborasi strategik.

OBJEKTIF 1

Mempertingkatkan akauntabiliti dan ketelusan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan

Bagi mencapai objektif ini, JANM telah membangunkan Dasar Perakaunan dan Kewangan antaranya adalah seperti berikut:

- *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)*
- Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM)
- Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia (GPANM)
- Piawaian Perakaunan Islam (PPI)

JANM bertanggungjawab memberi kelulusan reka bentuk sistem kewangan dan perakaunan bagi:

- Sistem Kerajaan Persekutuan
- Sistem Badan Berkanun Persekutuan/Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan/Majlis Agama Islam Negeri

JANM berperanan menyelia dan membangunkan profesion perakaunan di Malaysia antaranya seperti berikut:

- Lesen Juruaudit Syarikat dan Penyelesai
- Pembangunan profesion melalui program latihan dan pentauliahan

Dasar, medium dan sistem pemantauan bagi memastikan pematuhan tatacara kewangan dan perakaunan telah disediakan antaranya seperti berikut:

- Sistem *Integrated Audit Report & Feedback Management (iAREF)*
- Sistem Perakaunan Standard bagi Agensi Kerajaan (SAGA)
- Garis Panduan Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan Persekutuan
- Penggunaan *Audit Command Language (ACL)*

Kolaborasi strategik telah dilaksanakan bersama rakan strategik antaranya seperti berikut:

- Agensi Kerajaan
- Agensi Penguatkuasa
- Agensi Swasta
- Badan Profesional Perakaunan
- Institusi Pengajian Tinggi dalam dan luar negara
- Institusi Kewangan
- Institusi Latihan


OBJEKTIF 2

Mempertingkatkan sistem pengurusan perakaunan dan kewangan agensi kerajaan

Bagi mencapai objektif ini, JANM telah membangunkan sistem perakaunan dan kewangan agensi kerajaan utama seperti berikut:



IGFMAS




ISPLN




iSPEKS

PENGGUNA eGUMIS SEHINGGA 31 DISEMBER 2024


Negeri	Bil. Pengguna
Johor	653,666
Kedah	324,895
Kelantan	246,124
Melaka	169,166
Negeri Sembilan	232,768
Pahang	248,556
Pulau Pinang	276,341
Perak	379,229
Perlis	36,242
Selangor	1,310,449
Terengganu	182,844
Sabah	353,916
Sarawak	344,907
W.P. Kuala Lumpur	431,910
W.P. Labuan	14,922
W.P. Putrajaya	31,140



eGUMIS



MyCost



iPayment

OBJEKTIF 3

Membantu kerajaan dalam membuat keputusan yang berkesan

Bagi mencapai objektif ini, JANM telah menyediakan pelaporan seperti berikut:

Penyata Kewangan

Sejak 1946, JANM telah menyediakan Penyata Kewangan untuk menunjukkan kedudukan kewangan, aliran wang tunai dan prestasi kewangan. Penyata ini melaporkan transaksi kewangan berkaitan punca dan penggunaan sumber kewangan seperti yang telah diperuntukkan oleh Parlimen. Persembahan PKKP adalah selaras dengan amalan terbaik bagi memudahkan pemahaman dan analisis oleh pengguna penyata kewangan. Penyata ini mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Nota Kepada Penyata Kewangan serta Penyata Akaun Memorandum Aset dan Liabiliti.

Laporan SMART

Bermula tahun 2021, JANM telah mengeluarkan Garis Panduan Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan: Analisis Penyata Kewangan dan Penilaian Risiko untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan pengurusan kewangan kerajaan. Melalui garis panduan Laporan SMART perlu disediakan dalam melaksanakan analisis penyata kewangan dan penilaian risiko yang lebih sistematik dan berkesan.



OBJEKTIF 4

Membangun dan melaksanakan sistem pengurusan sumber manusia bagi perkhidmatan perakaunan

Bagi mencapai objektif ini, Pengurusan Sumber Manusia JANM telah diperkukuhkan melalui inisiatif berikut:

- Pembangunan Pelan Operasi Latihan
- Sistem Pengurusan Kerjaya (iSPK-AG)
- Pusingan Kerja

Kompetensi modal insan perkhidmatan perakaunan telah ditingkatkan melalui inisiatif berikut:

- Penajaan Program Pengajian Dalam Badan Profesional Perakaunan
- Program pentauliahahan
- Peluang melanjutkan pengajian di bawah Hadiah Latihan Persekutuan
- Lawatan kerja dan pendedahan industri
- Program penempatan silang (*job attachment/cross fertilization*)

Peranan JANM memperkukuhkan institusi pendidikan perakaunan dan kewangan diiktiraf melalui:

- Pengiktirafan IPN sebagai *Core Centre* Kursus Generik Kewangan mulai tahun 2010
- Pengiktirafan oleh Badan Profesional sebagai '*Approved/Recognised Employer*'

OBJEKTIF 5

Mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut 1965

Komitmen JANM dalam menambah baik penguatkuasaan WTD dapat dilihat melalui pindaan akta dan evolusi sistem yang bertujuan memperkemaskan pengurusan WTD agar lebih relevan dengan keperluan semasa, telus serta menjamin kepentingan orang awam seperti rajah berikut:

Sejarah Pindaan Akta Wang Tak Dituntut

Akta Wang Tak Dituntut 1965 [Akta 370] telah diwujudkan pada tahun 1965 dan mula berkuat kuasa pada 1 Jun 1975. Pindaan pertama akta tersebut adalah pada tahun 2002 dan pindaan terakhir adalah pada tahun 2024.

**Evolusi Sistem Wang Tak Dituntut****1977–1996****Sistem Manual**

Maklumat WTD dan tuntutan WTD direkodkan dalam buku daftar

**1996–2005****Sistem Imej/Microfiche**

Maklumat WTD disimpan dalam bentuk imej (.tiff)

**2005–2017****Government Unclaimed Money Information System (GUMIS)****GFMAS SAP 4.7**

Serahan rekod WTD dan maklumat tuntutan serta bayaran direkodkan secara elektronik

**2018–KINI****Government Unclaimed Money Information System (GUMIS)****iGFMAS SAP ECC 6.0**

Serahan rekod WTD dalam bentuk cakera padat mengandungi *encrypted data*

**2020–KINI****Portal eGUMIS**

Serahan dan *encrypted data* WTD serta semakan dan tuntutan dalam talian

**2022–KINI****Robotic Process Automation (RPA)**

Pelaksanaan RPA bagi pengesahan dokumen permohonan tuntutan melalui eGUMIS bagi usaha mengurangkan kerenah birokrasi



NILAI BERSAMA DAN ETIKA KERJA

Nilai Bersama

S

Mengutamakan pelanggan (Satisfying the customers)

Komitah dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti dan unggul untuk memenuhi kehendak pelanggan

Bilangan reruai

91



P

Profesionalisme (Professionalism)

Kebolehan untuk mempamerkan kualiti dan kompetensi

Pembentangan Dalam dan Luar Negara

Pembentangan persidangan MIA, PEMNA, CPA Australia, NAPSAC, International Waqf, Universiti



EC

Kerja Berpasukan (Esprit de Corp)

Bekerjasama sebagai satu pasukan bagi membentuk semangat kekitaan (sense of belonging) demi mencapai visi dan misi

Task Based Group (TBG)

7

kumpulan

106

ahli*

ACL

6

kumpulan

133

ahli*

Risk Control Matrix (RCM)

6

kumpulan

142

ahli*

IA

Integriti dan Akauntabiliti (Integrity and Accountability)

Beretika tinggi dalam melaksanakan tugas

Program Integriti

IKRAR | AKUJANJI | KURSUS

SALURAN ADUAN INTEGRITI JANM

HEBAHAN INTEGRITI | PEMANTAUAN KUALITI PERKHIDMATAN

Akauntabiliti

PENSIJILAN ISO

SELF ASSESSMENT AUDIT (SAA)

PENGAUDITAN INDEKS AKAUNTABILITI

L

Kesetiaan (Loyalty)

Setia kepada jabatan, kerajaan dan negara

Akronim Jabatan

Gelaran Warga JANM

AGD

Warna Korporat

Emas
#F5BF03

Putih
#FFFFFF

Biru Navy
#003478

Hitam
#000000

Pencapaian



ePaylip

1,295,414

pengguna

eVENDOR

1,358,132

pelawat



eCUMIS

5,698,294

pengguna

eMAKLUM

1,285,797

pelawat

Kepuasan Pelanggan

97.48%

Penganjuran Kursus

490

kursus

20,631

peserta



Pentauliahahan

5

program

111

peserta

Kumpulan Kerja Terjemahan

5

kumpulan

52

*ahli

Kumpulan PPIBZW

2

kumpulan

28

*ahli

KM

19

CPKM

Inovasi

7

pertandingan

Perhimpunan Bulanan

(*ahli merangkumi wakil JANM, kementerian dan agensi)



Lagu JANM

Profesionalisme Unggul



Baju Korporat





Tagline

Excellent Accounting
@ Your Service

WARGA KAMI

PERJAWATAN KESELURUHAN JANM TAHUN 2024



Jumlah Perjawatan Keseluruhan


2,446

● Bil. Pengisian
● Bil. Kekosongan

(seperti pada 31 Disember 2024)

PERJAWATAN SKIM PERAKAUNAN DAN SELAIN SKIM PERAKAUNAN JANM TAHUN 2024

Skim Perakaunan




Jumlah Perjawatan Skim Perakaunan

1,669

● Bil. Pengisian
● Bil. Kekosongan

(seperti pada 31 Disember 2024)

Selain Skim Perakaunan




Jumlah Perjawatan Selain Skim Perakaunan

777

● Bil. Pengisian
● Bil. Kekosongan


(seperti pada 31 Disember 2024)

MAKLUMAT DEMOGRAFI PEGAWAI JANM TAHUN 2024



(seperti pada 31 Disember 2024)


KEPUASAN BEKERJA TAHUN 2024



Tahap Kepuasan Bekerja Mengikut Elemen


Bidang Tugas dan Tanggungjawab	98.73%
Kepimpinan Penyelia/Ketua	97.59%
Ganjaran dan Pengiktirafan	97.10%
Hubungan di Tempat Kerja	98.33%
Kemudahan di Tempat Kerja	95.78%

PERJAWATAN KESELURUHAN SKIM PERAKAUNAN DI BAWAH KETUA PERKHIDMATAN TAHUN 2024




(seperti pada 31 Disember 2024)

LANTIKAN BAHARU DAN PERSARAAN PEGAWAI SKIM PERAKAUNAN JANM TAHUN 2024



Jumlah Lantikan Baharu


20



Jumlah Pegawai Bersara

26

TADBIR URUS



KAEDAH TADBIR URUS

Kaedah tadbir urus yang dilaksanakan oleh JANM bertujuan untuk memastikan setiap proses pengurusan dan pentadbiran dijalankan dengan penuh ketelusan, kebertanggungjawaban serta mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan. Pendekatan tadbir urus yang dilaksanakan oleh JANM adalah melalui jawatankuasa dan mesyuarat utama seperti berikut:

	Pengurusan dan Dasar ⑩ Mesyuarat Pengurusan JANM ③ Mesyuarat Pengarah dan Ketua Akauntan (MPKA) ② Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik JANM
Audit dan Risiko	④ Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Risiko (MJAR) JANM 
	Integriti ③ Jawatankuasa Tatakelola (JTK) JANM
ICT	④ Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) JANM ② Jawatankuasa Pemandu RPA JANM ④ Jawatankuasa Pemandu SAGA, iSPEKS, iPayment 
	Pengurusan Sumber Manusia ② Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia (Pengurusan Prestasi) ④ Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia (Latihan) ③ Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) JANM
Perakaunan dan Kewangan	② Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan (JPPA) ② Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Akruan (JKP) ① Jawatankuasa Penasihat Piawaian Perakaunan Islam (JPIs) ④ Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) ② Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Pengurusan ② Mesyuarat Sidang Editor IPN Journal 
	Kawal Selia ② Mesyuarat Penolong Pendaftar Wang Tak Dituntut (MPP)

STAKEHOLDER ENGAGEMENT

KERAJAAN MALAYSIA

Ekspektasi Pihak Berkepentingan

- Kecekapan dalam pengurusan kewangan
- Pematuhan kepada Akta Tatacara Kewangan

Komitmen JANM

- Menyediakan PKKP yang mengikut kehendak perundangan dan piawaian perakaunan.
- Menyerahkan PKKP kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh yang ditetapkan.
- Memastikan PKKP yang disediakan mendapat pengiktirafan Sijil Audit Tanpa Teguran.

PEGAWAI PENGAWAL KEMENTERIAN

Ekspektasi Pihak Berkepentingan

- Sistem perakaunan dan kewangan yang tepat dan berkesan
- Membangunkan dasar dan polisi perakaunan dan kewangan yang komprehensif

Komitmen JANM

- Membangunkan dan mempertingkatkan sistem perakaunan dan kewangan seiring dengan perkembangan teknologi dan keperluan semasa.
- Menetapkan dasar perakaunan yang diguna pakai oleh Kementerian, Jabatan dan agensi.
- Menjalankan penyeliaan ke atas terimaan dan mengakaun Wang Awam Persekutuan.
- Memastikan analisis, penyediaan dan pembentangan Laporan Perakaunan Pengurusan selaras dengan piawaian, pekiling dan peraturan yang berkuat kuasa.
- Mengawasi pematuhan tatacara kewangan dan perakaunan.
- Menyelia penyediaan Penyata Kewangan Kementerian.
- Memberi khidmat nasihat berkaitan perakaunan dan kewangan bagi memastikan ia diuruskan dengan cekap dan teratur.

PEGAWAI AWAM

Ekspektasi Pihak Berkepentingan

- Emolumen dan tuntutan pegawai diterima dalam tempoh yang ditetapkan

Komitmen JANM

- Menguruskan pembayaran emolumen pegawai awam Persekutuan melalui Sistem Gaji Berkomputer (HCM) pada setiap bulan mengikut tempoh ditetapkan.
- Menguruskan pembayaran tuntutan pegawai awam melalui iGFMS dalam tempoh ditetapkan.

ORANG AWAM

Ekspektasi Pihak Berkepentingan

- PKKP dihebahkan dan tersedia untuk capaian umum

Komitmen JANM

- Memastikan PKKP tersedia untuk capaian umum.

- Proses serahan, semakan dan permohonan tuntutan WTD yang efisien, mesra pelanggan dan tanpa birokrasi

- Menguruskan WTD dengan amanah dan efisien.
- Menyediakan platform serahan, semakan dan permohonan tuntutan dalam talian untuk meningkatkan tahap efisien dan mengurangkan birokrasi.

WARGA JANM DAN SKIM PERKHIDMATAN PERAKAUNAN

Ekspektasi Pihak Berkepentingan

- Kerjaya dan peluang pembangunan profesional dan kompetensi bagi Skim Perkhidmatan Akauntan, Penolong Akauntan dan Pembantu Akauntan

Komitmen JANM

- Akauntan Negara sebagai Ketua Perkhidmatan bagi Skim Perkhidmatan Akauntan, Penolong Akauntan dan Pembantu Akauntan bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan.
- Menambah baik peluang kemajuan kerjaya dan mobiliti pegawai melalui perancangan strategik sumber manusia seperti:
 - Kursus, latihan dan seminar di dalam dan luar negeri.
 - Peluang pengajian melalui Hadiah Latihan Persekutuan dan tajaan Program Pengajian Dalam Badan Profesional Perakaunan serta program pentauliahan.
- Memastikan kepuasan bekerja warga JANM berada di tahap cemerlang.
- Memberi pengiktirafan kepada pegawai yang menunjukkan prestasi yang cemerlang.

RAKAN STRATEGIK


Ekspektasi Pihak Berkepentingan

- Komunikasi dan kolaborasi yang efektif
- Kepakaran dan sokongan profesional
- Komitmen matlamat bersama


Komitmen JANM

- Menjalin hubungan kerjasama yang kukuh.
- Menyediakan sokongan profesional dan kepakaran dalam pelaksanaan inisiatif strategik.
- Komitmen matlamat bersama melalui pelaksanaan program yang strategik.

JAWATANKUASA LAPORAN BERSEPADU



STRUKTUR JAWATANKUASA LAPORAN BERSEPADU



JAWATANKUASA PEMANDU

Terdiri daripada Pengurusan Tertinggi JANM dan bertanggungjawab:

- Menentukan hala tuju dan strategi pelaksanaan projek.
- Memantau status pelaksanaan projek secara menyeluruh.
- Menentukan dasar berkaitan pelaksanaan IR.
- Mengesah dan meluluskan cadangan pelaksanaan projek.
- Memberi penyelesaian kepada isu-isu semasa pelaksanaan projek.
- Meluluskan Laporan Bersepadu JANM yang diperakukan oleh Jawatankuasa Teknikal.

JAWATANKUASA TEKNIKAL

Terdiri daripada Pengarah BPPP serta wakil bahagian dan bertanggungjawab:


- Mencadangkan isi kandungan laporan yang berteraskan elemen IR.
- Menyediakan rujukan di dalam pelaksanaan projek IR.
- Membincang dan mencadangkan kaedah pelaporan yang bersesuaian berserta kebolehlaksanaannya.
- Menyemak dan memastikan laporan disediakan adalah memenuhi keperluan yang ditetapkan serta memperakukan kepada Jawatankuasa Pemandu IR untuk kelulusan.
- Mengkaji isu-isu yang timbul dan memperakukan cadangan penyelesaian kepada Jawatankuasa Pemandu IR.
- Melaporkan status kemajuan projek kepada Jawatankuasa Pemandu IR.

SEKRETARIAT

Terdiri daripada pegawai Seksyen Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan Strategik, BPPP, Seksyen Perakaunan Pengurusan, BA MOF serta seorang pegawai daripada setiap bahagian dan bertanggungjawab:

- Mengurus dan melaksanakan projek mengikut skop yang ditetapkan.
- Memantau, menyelaras dan mengawal selia perjalanan projek dari aspek penyempurnaan skop kerja.
- Mengurus dan melaksanakan projek mengikut garis masa yang ditetapkan.
- Menyemak isi kandungan dan kualiti laporan yang disediakan.
- Menyunting dan menyemak laporan bersesuaian dengan penggunaan tata bahasa dengan baik dan penggunaan tanda bahasa dengan tepat dan betul.
- Menyeragamkan gaya penulisan keseluruhan laporan.

PENCAPAIAN, PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN



PENCAPAIAN, PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN

SIJIL AUDIT TANPA TEGURAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2023 (PKKP 2023)

JANM telah berjaya menepati sasaran dengan menyerahkan PKKP 2023 kepada Ketua Audit Negara (KAN) sebelum 31 Mac 2024 iaitu pada 28 Februari 2024 dan seterusnya berjaya memperoleh Sijil Audit Tanpa Teguran pada 29 Julai 2024.



SIJIL PENGHARGAAN PROJEK REFORMASI KERENAH BIROKRASI (RKB)

JANM telah dianugerahkan sijil penghargaan bagi kejayaan melaksanakan Projek Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang telah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) sempena Majlis Penutup Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam 2024 pada 24 November 2024 di Kuala Lumpur Convention Centre.



PENGINDEKSAN MYCITE TAHUN 2024

IPN *Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management* telah berjaya disenaraikan dalam Indeks MyCite Tahun 2024. Penyenaraian ini menjadikan IPN sebagai institut latihan awam kedua yang mendapat pengiktirafan Indeks MyCite.

IPN *Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management* boleh dimuat turun melalui pautan <https://jurnal.ipn.gov.my>.



PENGIKTIRAFAN PEMATUHAN STANDARD OLEH BADAN PENSIJILAN

Pematuhan standard tertinggi dalam penyampaian perkhidmatan perakaunan dan kewangan sektor awam oleh JANM dibuktikan dengan pengiktirafan yang diterima daripada badan pensijilan seperti berikut:



Pensijilan ISO/IEC 27001:2022 *Information Security, Cybersecurity and Privacy Protection - Information Security Management System* bagi Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Kerajaan Bersepadu (IGFMS)



Pensijilan MS ISO 9001:2015 bagi Proses Pengurusan Pengauditan Bahagian Pengurusan Audit Dalam



Pensijilan MS ISO 9001:2015 bagi Pengurusan dan Pengendalian Kursus Anjuran Institut Perakaunan Negara



Pensijilan MS ISO 9001:2015 bagi
Perkhidmatan Penguatkuasaan
Pengurusan Wang Tak Dituntut di
bawah JANM



Pensijilan MS ISO 9001:2015 bagi
Perkhidmatan Pengurusan Naziran



Pensijilan MS ISO 9001:2015 bagi
Proses Bayaran bagi Pusat
Tanggungjawab (PTJ) di bawah
Kementerian Kewangan Malaysia

ANUGERAH APRESIASI KECEMERLANGAN (AAK) JANM TAHUN 2023


Majlis AAK JANM Tahun 2023 telah diadakan pada 23 April 2024 bertempat di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat JANM, Putrajaya. Majlis ini diadakan bagi menghargai dan meraikan pencapaian cemerlang 191 orang pegawai sepanjang tahun 2023 dengan dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) seperti ringkasan berikut:



PENGHARGAAN ATAS PERKHIDMATAN PEGAWAI

Majlis Persaraan JANM 2024 telah diadakan pada 23 Ogos 2024 di The Grand Ballroom, BoraOmbak, Putrajaya bagi menghargai jasa dan sumbangan 31 pegawai yang bersara serta lima (5) gemulah yang meninggal dunia dalam perkhidmatan.

PENCIPTAAN NILAI



NILAI DICIPTA

VISI

Sebagai Peneraju Terbilang dalam Perakaunan Kewangan dan Perakaunan Pengurusan Sektor Awam.

MISI

Mengukuhkan Pengurusan Kewangan Sektor Awam secara berhemat dengan dasar yang progresif dan sistem perakaunan yang efisien menerusi kakitangan profesional dan kolaborasi strategik.

MODAL

KEWANGAN

K

- Pembiayaan Peruntukan Kerajaan

MODAL INSAN

MI

- Pengurusan Tertinggi JANM
- Pegawai Skim Perkhidmatan Perakaunan di bawah Ketua Perkhidmatan Akauntan Negara Malaysia
- Champion/Subject Matter Expert (SME)/Task Based Group (TBG)/Pegawai Bertauliah*
- Tenaga Pengajar
- Pegawai JANM
- Nilai Bersama SPECIAL
- Pelan Operasi Latihan

INTELEKTUAL

I

- Dasar Perakaunan dan Kewangan
- Sistem Perakaunan dan Kewangan Bersepadu
- Portal Perakaunan Akruan
- Portal *Knowledge Management*
- Sistem Pengurusan Latihan (eSPL)
- Pelan Pengurusan Risiko JANM
- Pelan Induk *Enterprise Architecture* (EA)
- Penerbitan Ilmiah
- Polisi Keselamatan Siber (PKS) JANM
- RPA Bayaran Balik WTD

PEMBUATAN

P

- Infrastruktur ICT dan aplikasi
- Pusat latihan yang kondusif
- Digital Workspace*

SEMULAJADI

S

- Teknologi Hijau: Penggunaan kertas, masa dan tenaga

SOSIAL DAN HUBUNGAN

SH

- Pihak berkepentingan
- Pelanggan dan orang awam
- Rakan strategik
- Pegawai Skim Perakaunan dan Warga JANM
- Kerjasama program latihan
- Medium komunikasi

NILAI DICIPTA

Membangunkan dasar perakaunan dan kewangan sektor awam yang progresif dan mapan

KMIISH

Menyediakan dan menambah baik sistem perakaunan dan kewangan kerajaan yang efisien

KMIIPSH

Membangunkan modal insan terlatih dan profesional

KMIISH

Mengukuhkan akauntabiliti dan ketelusan perakaunan dan kewangan sektor awam

KMIISH

Membantu kerajaan membuat keputusan strategik

KMIISH

Meningkatkan pematuhan dan penguatkuasaan terhadap akta, pekeliling, peraturan dan arahan berkaitan perakaunan dan kewangan

MIISH

Kuasa melulus juruaudit dan penyelesaian syarikat

MIISH

Menjadi *Centre of Reference* (CORE) Perakaunan dan Kewangan Sektor Awam

KMIISH

Membudayakan daya cipta inovasi dan pendigitalan

KMIIPSHS

Sinergi kepakaran dan kolaborasi strategik dalam perakaunan dan kewangan sektor awam

KMIISH

Memantapkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan perakaunan dan kewangan

KMIISH


OBJEKTIF

- Mempertingkatkan akauntabiliti dan ketelusan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan.
- Mempertingkatkan sistem pengurusan perakaunan dan kewangan agensi kerajaan.
- Membantu kerajaan dalam membuat keputusan yang berkesan.
- Membangun dan melaksanakan sistem pengurusan sumber manusia bagi perkhidmatan perakaunan.
- Mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut 1965.

PENCAPAIAN UTAMA 2024

PPK yang berkuat kuasa 10	MPSAS yang berkuat kuasa 33 MPSAS	PIIBZW yang berkuat kuasa 4 Piawaian 1 Panduan Pelaksanaan	SPANM yang dihasilkan 7	GPANM yang dihasilkan 3
iGFMAS 6,008 PTJ 69,239 pengguna 18 modul utama 119 integrasi sistem luar	iSPLN 157 PTJ luar negeri 1,234 pengguna 8 modul 1 integrasi sistem luar	iSPEKS 11 Kerajaan Negeri 19,389 pengguna 21 modul 67 integrasi sistem luar	iPayment 8 Kementerian 9 agensi 66 PTJ 28 Pejabat Perakaunan RM3,651,984 jumlah kutipan 18,329 jumlah transaksi	MyCost 1,387 PTJ 2,697 pengguna 3 modul utama 2 integrasi sistem luar
Akauntan Profesional 419	Program Latihan Dalam Negara 490 anjuran kursus/seminar peserta 20,631 6.56/7 skor keberkesanan	Program Latihan Luar Negara 24 program dihadiri 48 pegawai	Cross Fertilisation/Job Attachments 3 pegawai 2 agensi	Penguatkuasaan Integriti 11 program 19 hebahan/arahan
Program Pentauliah				
12 program 128 Data Analyst 178 RPA Starter	58 RPA Citizen Developer 11 RPA Developer Foundation 3 RPA Business Analyst Foundation	262 MOS 13 Konsultan MCI 19 CMP 19 CPKM	1 CFE 18 Pengamal NLP 89 NCS 477 tenaga pengajar & fasilitator	
Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) - Serahan PKKP Asas Tunai Ubahsuai Tahun 2023 kepada KAN pada 28 Februari 2024 - Serahan PKKP Asas Akruan Pra Peralihan Tahun 2023 kepada KAN pada 4 Jun 2024 - Sijil Audit Tanpa Teguran bagi PKKP Asas Tunai Ubahsuai Tahun 2023		Penyata Kewangan Kementerian (PKK) 28	Kelulusan reka bentuk sistem kewangan dan perakaunan 41 sistem - Kerajaan Persekutuan 6 sistem - Badan Berkanun Persekutuan	
PKKP 1 Laporan Akauntan Negara Malaysia		Penarafan Sangat Baik Laporan SMART Kementerian 10 Laporan SMART		
Arahan Operasi Pejabat Perakaunan yang dihasilkan 14	Panduan Pelaksanaan Perakaunan Akruan 3 polisi 1 Carta Akaun Akruan 9 Manual Perakaunan Akruan 15 Manual Prosedur Kerja 4 Manual Operasi Perakaunan Akruan 10 Flash Card MPSAS		Pematuhan Perakaunan Akruan Persekutuan 1 Garis Panduan Naziran 108 skrip ACL	Laporan Penarafan Akauntan Negara Malaysia bagi Penyata Kewangan Akruan Pra Peralihan Kementerian 4 Kementerian
Pengauditan/Naziran/Inspektorat 120 pengauditan 2,042 lawatan naziran 9 lawatan	Penguatkuasaan Akta WTD 1965 2,242 pemeriksaan RM1,606.5 juta serahan WTD 2,031 entiti serahan RM572.4 juta bayaran balik WTD		Lawatan Susulan Pematuhan SAGA 10 lawatan	Penganugerahan Sijil Pematuhan SAGA 11 Badan Berkanun Persekutuan 3 Pihak Berkuasa Tempatan
Manual Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 1	Garis Panduan Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan Persekutuan (GPN) 2		Laporan Pengauditan Indeks Akauntabiliti 10 Bahagian 6 JANC	
Juruaudit Syarikat/Penyelesai yang diluluskan 1,956 Juruaudit Syarikat 187 Penyelesai	Kelulusan baharu Juruaudit Syarikat/Penyelesai 65 Juruaudit Syarikat 4 Penyelesai		Pembaharuan Kelulusan Juruaudit Syarikat dan Penyelesai 941 Juruaudit Syarikat 87 Penyelesai	
Panel dan Pembentang Peringkat Antarabangsa 8 pegawai	Panel dan Pembentang Peringkat Kebangsaan 5 pegawai	Council/Board Members Badan Profesional Antarabangsa/Kebangsaan/Agensi 7 pegawai	Pakar Rujuk MPSAS (Ahli CoRE) 80 pegawai	Lawatan Korporat 6 Institusi Pendidikan 16 Kerajaan Negeri/Agensi/Badan Profesional
Program Inovasi 12	iAREF 25,722 PTJ 34,771 pengguna 7 modul	iABT 28 kementerian	Video Latihan WTD 27 video 261 peserta	RPA – Bayaran Balik WTD 3 proses kerja 118,725 transaksi
Kolaborasi Strategik 7 Badan Profesional 7 Rakan Strategik		Kerjasama Penyelidikan 6 geran penyelidikan 5 monograf 2 jurnal 1 seminar/kolokium		
Program Outreach 91 ruuai 37,583 pelanggan ruuai	eGUMIS 5.7 juta pengguna 1,178 entiti serahan WTD 3.8 juta pelawat 136,891 permohonan diterima		Kajian Kepuasan Pelanggan Tahun 2024 97.48%	

IKHTISAR KEMAMPAHAN: JANM DAN PIAWAIAIAN PERAKAUNAN ISLAM



IKHTISAR KEMAMPAHAN: JANM DAN PIAWAIAN PERAKAUNAN ISLAM

PERANAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA DALAM MENCAPAI VISI MALAYSIA YANG MAMPAN

Visi Malaysia Yang Mampan - merujuk kepada matlamat yang ingin dituju iaitu membangunkan kemampunan berdasarkan piawaian global untuk mempromosikan budaya yang mampan dalam semua aspek kehidupan serta mengurangkan potensi bencana alam (Anwar, 2022). Kemampunan merupakan salah satu elemen dalam visi Kerangka Dasar MADANI yang digunakan bagi memacu hala tuju Malaysia dalam usaha memastikan kemajuan ekonomi seiring dengan kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan sosial. Pembangunan negara yang mampan adalah selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Dalam kerangka pembangunan negara yang holistik ini, JANM berperanan untuk memastikan pelaporan kewangan yang telus, berintegriti dan mampan.

Fungsi utama JANM adalah menyediakan PKKP berdasarkan peruntukan undang-undang dan piawaian perakaunan yang diterima umum selaras dengan Seksyen 16, Akta Tatacara Kewangan (Akta 61). Oleh yang demikian, untuk memastikan PKKP yang disediakan adalah telus dan berakuntabiliti, JANM telah mengeluarkan piawaian perakaunan bagi sektor awam iaitu Piawaian Perakaunan Kerajaan dan MPSAS. Selain itu, khusus kepada institusi Islam, JANM telah mengeluarkan Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PIIBZW).

Piawaian perakaunan memainkan peranan penting dalam mempromosi kemampunan bagi memastikan ketelusan, konsistensi dan akauntabiliti agensi sektor awam dalam melaporkan impak terhadap alam sekitar, sosial dan ekonomi. Piawaian perakaunan menyediakan kerangka kerja berstruktur kepada organisasi untuk mendedahkan maklumat kewangan dan bukan kewangan berkaitan kemampunan. Justeru, piawaian perakaunan sedang dikembangkan untuk menyepadukan kemampunan ke dalam pelaporan kewangan bagi memastikan organisasi mendedahkan kesan alam sekitar, sosial dan ekonomi (ESG) mereka dengan cara yang boleh dipercayai dan boleh banding. Pertama, memasukkan risiko-risiko berkaitan isu kemampunan (contohnya, risiko iklim, kehabisan sumber, pelepasan karbon) yang mempunyai implikasi kewangan ke dalam penyata kewangan. Kedua, mengenal pasti dan melaporkan impak alam sekitar dan sosial dalam pelaksanaan projek atau pelaburan. Seterusnya, mendedahkan strategi dan memupuk tanggungjawab korporat, membuat keputusan termaklum dan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

JANM melalui fungsinya dan kepakaran dalam perakaunan sektor awam memainkan peranan utama dalam menyeragamkan pelaporan kewangan dana sosial Islam dengan membangunkan Piawaian Perakaunan Islam khusus bagi institusi yang mentadbir Baitulmal, Zakat dan Wakaf. Institusi tersebut bukan sahaja berperanan sebagai mekanisme kebajikan dalam Islam, malah juga instrumen ekonomi yang berpotensi tinggi dalam menyokong pembangunan sosial dan pengurangan kemiskinan. Oleh itu, pengurusan dan pelaporannya perlu dikendalikan dengan lebih sistematik dan profesional.

Contohnya, ketidakseragaman pelaporan zakat di antara negeri-negeri menyebabkan kesan sosialnya tidak dapat dinilai dan dikenal pasti. Dengan wujudnya kerangka pelaporan yang standard, maklumat agihan zakat dapat dinilai kesan sosialnya contohnya melalui Penyata Kutipan dan Agihan Zakat. Maklumat ini akan menyokong dasar-dasar sosial Institusi Zakat dan memudahkan perancangan strategik kebajikan masyarakat. Begitu juga dengan wakaf, yang kini semakin berkembang dalam bentuk pelaburan hartanah, pendidikan dan kesihatan. Dengan penerapan prinsip pelaporan wakaf seperti ketelusan prestasi pelaburan dan


perlindungan aset, ia dapat menjamin kesinambungan manfaat kepada masyarakat Islam secara berterusan. Baitulmal pula sebagai institusi pengurusan harta umat Islam memiliki pelbagai sumber dan instrumen kewangan yang jika diurus dengan baik boleh menjadi pelengkap kepada sistem kewangan negara.

Bagi mencapai matlamat tersebut, penyata kewangan yang disediakan hendaklah menggambarkan operasi Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf yang berasaskan syariah. Oleh yang demikian, pemakaian PPIBZW oleh institusi tersebut dalam penyediaan penyata kewangan dapat memenuhi jangkaan pihak berkepentingan untuk mendapatkan maklumat kewangan dan bukan kewangan berkaitan pengurusan zakat, wakaf dan baitulmal. Pengurusan zakat dan wakaf yang cekap dapat memastikan sumbangan yang berterusan daripada pembayar zakat dan pewakaf supaya dapat membantu mengurangkan kemiskinan dan ketidaksamaan, menggalakkan keamanan dan melindungi alam sekitar yang merupakan asas kepada prinsip teras Islam yang dikenali sebagai Maqasid Syariah.


Kesimpulannya, JANM bukan sekadar institusi pelaporan kewangan tetapi boleh menjadi pemangkin kepada sistem kewangan Islam yang lebih mampan dan menyeluruh. Dengan memanfaatkan piawaian perakaunan khusus untuk baitulmal, zakat dan wakaf JANM dapat menyokong pembentukan negara yang bukan sahaja mampan dari sudut ekonomi dan alam sekitar, tetapi juga dari segi keadilan sosial dan kesejahteraan rakyat. Inilah erti sebenar pembangunan mampan yang berpaksikan nilai dan keberkatan.

NAHARRIAH MOHAMED C.A.(M)

Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan




PENENTUAN MATERIALITI



PENENTUAN MATERIALITI

Seiring dengan tema laporan ini, JANM mengutamakan pendekatan berteraskan kemampunan dalam pengurusan sumber dan perbelanjaan. Pendekatan ini diambil bagi memastikan keseimbangan yang kukuh antara kecekapan fiskal dan tanggungjawab terhadap ekonomi, sosial serta alam sekitar. JANM memberi fokus kepada perkara-perkara material yang berpotensi mempengaruhi keupayaan jabatan untuk mencipta nilai secara berterusan berdasarkan proses berikut:

PROSES PENENTUAN MATERIALITI



Menerusi pelaksanaan proses penentuan material, beberapa perkara yang mempengaruhi keupayaan JANM mencipta nilai telah dikenal pasti seperti berikut:

PENGURUSAN MAKLUMAT PERAKAUNAN DAN KEWANGAN YANG CEKAP SERTA PENGHASILAN MAKLUMAT YANG TEPAT DAN RELEVAN

STRATEGI

- Menyediakan PKKP yang menunjukkan gambaran yang benar dan saksama.
- Memastikan Sijil Audit Tanpa Teguran diperolehi dan semua teguran audit diberi maklum balas dalam tempoh yang ditetapkan.
- Memantau transaksi dan maklumat penyata kewangan menerusi penyediaan penyata kewangan secara bulanan.
- Menyediakan Penyata Kewangan Kementerian (PKK) yang menunjukkan gambaran yang benar dan saksama secara bulanan dan tahunan dalam tempoh yang ditetapkan.
- Melaksanakan analisis pengurusan kewangan Kementerian secara menyeluruh untuk memastikan objektif Kementerian adalah jelas, boleh diukur dan boleh dicapai.

RISIKO

- Sijil Audit Berteguran mengurangkan kepercayaan pihak berkepentingan terhadap pengurusan kewangan Kerajaan Persekutuan.
- Keputusan yang kurang tepat disebabkan kesilapan dalam pelaporan penyata kewangan.
- Kurang kefahaman berkaitan peraturan dan pengurusan kewangan dalam kalangan PTJ.

PELUANG

- Meningkatkan kebolehpercayaan dan ketepatan maklumat kewangan.
- Mengukuhkan sistem kawalan, pemantauan dan penambahbaikan pengurusan sumber negara untuk meningkatkan kepercayaan pihak berkepentingan.
- Menyediakan analisis Penyata Kedudukan Kewangan bagi membantu kerajaan mengawal kedudukan fiskal negara supaya lebih berdisiplin, telus dan mampan.
- Meningkatkan khidmat nasihat dan perundingan kepada PTJ.

PENINGKATAN KAWALAN DAN PEMATUHAN KEWANGAN

STRATEGI

- Memperkasa pasukan juruaudit dan naziran melalui penghasilan panduan dan manual yang berkualiti bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kawalan dan pematuhan kewangan.
- Mengambil peluang daripada kemajuan teknologi untuk menyampaikan perkhidmatan dan penyelesaian digital yang inovatif untuk menambah baik proses, produktiviti dan kualiti pengauditan dan naziran melalui Sistem iAREF.
- Melaksanakan pemantauan Laporan Akaun Belum Terima (ABT) dan Tunggakan yang cekap dan berkualiti secara berterusan dan berfokus.
- Memantapkan pemantauan secara berkala dan berterusan melalui penyediaan laporan yang komprehensif.
- Membangunkan pelan yang komprehensif dan holistik dalam mengurus risiko jabatan.
- Melaksanakan naziran secara bersasar yang lebih menekankan keberhasilan output selain menilai prestasi pengurusan kewangan PTJ.

RISIKO

- Pasukan juruaudit dan naziran kurang kompeten.
- Penggunaan teknologi tidak optimum.
- Salah guna kuasa, ketidakpatuhan kepada peraturan, akta dan pekeliling sedia ada yang boleh mengakibatkan ketirisan dan penyelewengan serta kesilapan pelaporan.
- Kelewatan dalam penyediaan laporan dan pemantauan maklum balas.
- Ketidakpatuhan, kesilapan atau penyelewengan yang mengakibatkan kehilangan wang awam.
- Pengurusan risiko yang kurang berkesan.

PELUANG

- Meningkatkan kompetensi pasukan juruaudit dan naziran.
- Penerapan teknologi baharu bagi membantu pengauditan dan analisis berterusan seperti ACL dan kecerdasan buatan (AI).
- Mempercepatkan proses kerja pengauditan, pemantauan dan pelaporan.
- Meningkatkan keberkesanan pematuhan ke atas pengurusan kewangan dan perakaunan.
- Memastikan ketepatan maklumat kewangan dan perakaunan.
- Mengurangkan kesilapan kunci masuk data ABT dan tunggakan serta mempercepatkan penyediaan Laporan ABT dan Tunggakan Disatukan.
- Meningkatkan kerjasama, komunikasi dan pengetahuan kepada Pejabat Perakaunan dan PTJ.

PERKHIDMATAN PERUNDINGAN SISTEM PERAKAUNAN DAN KEWANGAN AGENSI KERAJAAN YANG BERKESAN

STRATEGI

- Mempertingkatkan kepakaran pegawai khidmat perunding dengan maklumat perakaunan dan kewangan terkini selaras dengan dasar, pekeliling dan peraturan yang berkuat kuasa.

RISIKO

- Khidmat nasihat yang diberikan kurang tepat.

PELUANG

- Melahirkan lebih ramai pegawai khidmat perunding yang kompeten.

SISTEM MAKLUMAT PERAKAUNAN DAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN YANG MAPAN

STRATEGI

- Membangunkan sistem secara bersepadu bagi memenuhi kehendak dan keperluan pihak berkepentingan.
- Memantau status pelaksanaan pembangunan sistem, *Change Request (CR)/Continuous Improvement (CI)* melalui mesyuarat tatakelola secara berkala.
- Menyedia dan mengemas kini garis panduan, SOP dan manual sistem.
- Memantau tindakan penyelesaian isu-isu log berkaitan sistem dengan segera.
- Melaksanakan latihan berterusan kepada pengguna.

RISIKO

- Meningkatkan perbelanjaan pembangunan sistem sekiranya tidak terancang dengan berkesan.
- Penambahbaikan sistem yang dirancang tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya.
- Kurang kefahaman pengguna.
- Latihan tidak dapat dijalankan secara menyeluruh kepada setiap lapisan pengguna.

PELUANG

- Menambah baik sistem secara berterusan dan berkesan untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam serta memenuhi kehendak semasa pengguna.
- Melaksanakan inisiatif Transformasi Kerajaan Digital.
- Menyeragamkan garis panduan, SOP dan manual sistem.
- Meningkatkan kompetensi pengguna sistem.

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN OPERASI PEJABAT PERAKAUNAN YANG BERKESAN

STRATEGI

- Memperkemaskan tatakelola pengoperasian Pejabat Perakaunan dan PTJ melalui garis panduan dan arahan operasi yang jelas.
- Mempromosikan penggunaan iRAO secara meluas dalam mendapatkan maklumat operasi Pejabat Perakaunan.

RISIKO

- Operasi Pejabat Perakaunan terjejas.
- Penggunaan iRAO tidak optimum.

PELUANG

- Memantapkan operasi Pejabat Perakaunan.
- Meningkatkan penggunaan iRAO.

PENGURUSAN WANG TAK DITUNTUT YANG BERKESAN

STRATEGI

- Mengadakan taklimat dan pemeriksaan ke atas syarikat/firma.
- Memperluaskan penggunaan RPA dalam pengurusan permohonan tuntutan bayaran balik WTD.
- Menambah baik penyampaian perkhidmatan pelanggan melalui kemudahan digital.

RISIKO

- Ketidapatuhan Akta WTD 1965.
- Kelewatan proses permohonan tuntutan bayaran balik WTD.
- Kepuasan pelanggan tidak dapat dipenuhi.

PELUANG

- Meningkatkan kesedaran berkenaan pematuhan Akta WTD 1965 dan serahan WTD.
- Meningkatkan kepuasan pelanggan dengan mengurangkan kerenah birokrasi dan meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.

PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN YANG MENYELURUH

STRATEGI

- Menggubal dan mengemas kini MPSAS dan Piawaian Perakaunan Kerajaan.
- Melantik ahli CORE yang berperanan sebagai pakar rujuk di Kementerian dan Jabatan.
- Melaksanakan kolaborasi dengan badan profesional perakaunan dan rakan strategik yang lain.
- Memperkukuh kerjasama penyelidikan dengan institusi akademik bagi penghasilan polisi yang komprehensif.

RISIKO

- Pelaporan perakaunan dan kewangan tidak selari dengan piawaian dan polisi semasa.
- Pakar rujuk yang terhad bagi khidmat nasihat teknikal perakaunan akruan.

PELUANG

- Memastikan piawaian dan polisi perakaunan terkini digunakan sebagai asas pelaporan perakaunan dan kewangan.
- Meningkatkan kebolehpercayaan pelaporan kewangan Kerajaan Persekutuan.
- Melahirkan pegawai yang mempunyai kepakaran yang tinggi dalam perakaunan akruan.

TADBIR URUS PERKHIDMATAN PERAKAUNAN YANG TELUS DAN BERKESAN

STRATEGI

- Melaksanakan pengisian perjawatan perkhidmatan perakaunan secara sistematik dan berkesan.
- Menambah baik peluang kemajuan kerjaya dan mobiliti pegawai melalui perancangan strategik sumber manusia.
- Melaksanakan program kompetensi perkhidmatan perakaunan.

RISIKO

- Pengisian perjawatan tidak sistematik dan berkesan.
- Peluang kemajuan kerjaya terbatas.
- Kehilangan pakar bidang (*field expert*).
- Pengurusan bakat yang terhad bagi pelan penggantian pegawai.
- Program kompetensi tidak memenuhi keperluan semasa.

PELUANG

- Menyediakan sistem profil yang sistematik.
- Membangunkan sistem pengurusan dan pembangunan kompetensi bakat.
- Menyediakan pelan SME/*Field Expert*.
- Mewujudkan Kerangka Pelan Penggantian.

PEMBANGUNAN LATIHAN PERAKAUNAN YANG MAMPAN

STRATEGI

- Melaksanakan *Training Needs Analysis* (TNA) yang komprehensif bagi mengenal pasti komponen dan profil program pentauliahan yang relevan dan terkini bagi pengukuhan serta peningkatan kompetensi secara berterusan.
- Menyediakan sokongan dan latihan berterusan untuk meningkatkan pematuhan dan penguatkuasaan terhadap akta, pekeliling, peraturan dan arahan berkaitan perakaunan dan kewangan.
- Menawarkan tajaan pembiayaan bagi Program Pengajian Dalam Badan Profesional Perakaunan dan program pentauliahan kepada pegawai lantikan JANM.


RISIKO

- Program latihan tidak relevan dengan perkembangan terkini dan keperluan semasa.
- Pengetahuan dan kompetensi pegawai tidak seiring dengan perubahan terkini.
- Peluang peningkatan kompetensi profesional terhad.

PELUANG

- Memantapkan kredibiliti dan profesionalisme pegawai melalui latihan.
- Menjadikan JANM sebagai penyedia latihan program profesional dan program pentauliahan perakaunan sektor awam yang unggul.

RISIKO



RISIKO UTAMA

PELAPORAN

Risiko

Pengurusan Maklumat Perakaunan dan Kewangan Yang Cekap serta Penghasilan Maklumat yang Tepat dan Relevan

- Sijil Audit Berteguran mengurangkan kepercayaan pihak berkepentingan terhadap pengurusan kewangan Kerajaan Persekutuan.
- Keputusan yang kurang tepat disebabkan kesilapan dalam pelaporan penyata kewangan.
- Kurang kefahaman berkaitan peraturan dan pengurusan kewangan dalam kalangan PTJ.

Mitigasi

- Memperkasakan dan memperkuat tatakelola, integriti dan akauntabiliti dalam pengurusan perakaunan dan kewangan.
- Mengukuhkan sistem kawalan dalaman menerusi naziran, audit dalaman dan pemantauan berkala.
- Mengenal pasti dan menganalisis kesilapan serta mengambil tindakan pembetulan dan penyesuaian.
- Pemantauan berterusan oleh pengurusan atasan.
- Mengadakan latihan, kursus dan taklimat berterusan bagi meningkatkan kecekapan dan kompetensi pegawai sektor awam.

KAWALAN DAN PEMATUHAN

Risiko

Peningkatan Kawalan dan Pematuhan Kewangan

- Pasukan juruaudit dan naziran kurang kompeten.
- Penggunaan teknologi tidak optimum.
- Salah guna kuasa, ketidakpatuhan kepada peraturan/akta/pekeliling sedia ada yang boleh mengakibatkan ketirisan dan penyelewengan serta kesilapan pelaporan.
- Kelewatan dalam penyediaan laporan dan pemantauan maklum balas.
- Ketidakpatuhan, kesilapan atau penyelewengan yang mengakibatkan kehilangan wang awam.
- Pengurusan risiko yang kurang berkesan.

Mitigasi

- Peningkatan kompetensi pasukan juruaudit dan naziran pejabat perakaunan melalui program pentauliahkan, pensijilan profesional, latihan dan kursus berkaitan.
- Pengukuhan sistem dan teknologi melalui penggunaan perisian perakaunan terkini.
- Pengukuhan penggunaan *audit tools* seperti ACL dan Alteryx untuk pemantauan dan analisis berterusan pengurusan kewangan bagi mengesan sebarang anomali atau masalah transaksi.
- Pemantauan operasi perakaunan melalui pelaksanaan naziran dan pengauditan secara bersasar yang lebih menekankan keberhasilan selain menilai prestasi pengurusan kewangan PTJ yang berkesan dan sistematik.
- Penambahbaikan berterusan melalui libat urus dengan pengguna bagi memenuhi keperluan perkhidmatan.
- Pengukuhan proses dan metodologi audit dan pengurusan risiko mengikut piawaian yang ditetapkan.

Perkhidmatan Perundingan Sistem Perakaunan dan Kewangan Agensi Kerajaan yang Berkesan

- Khidmat nasihat yang diberikan kurang tepat.

- Memastikan pegawai menghadiri kursus atau program pemantapan pengetahuan dan kompetensi.

OPERASI

Risiko

Mitigasi

Sistem Maklumat Perakaunan dan Kewangan Kerajaan Persekutuan yang Mapan

- Meningkatkan perbelanjaan pembangunan sistem sekiranya tidak terancang dengan berkesan.
- Penambahbaikan sistem yang dirancang tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya.
- Kurang kefahaman pengguna.
- Latihan tidak dapat dijalankan secara menyeluruh kepada setiap lapisan pengguna.

- Memastikan perancangan pembangunan sistem adalah mengikut teknologi terkini dan memenuhi keperluan pihak berkepentingan.
- Pengawasan berterusan ke atas sistem untuk memastikan kemampunan sistem.
- Menyediakan arahan operasi/panduan *workaround solution* yang jelas dan seragam.
- Program libat urus kepada pengguna berkaitan sistem.

Penyampaian Perkhidmatan Operasi Pejabat Perakaunan yang Berkesan

- Operasi Pejabat Perakaunan terjejas.
- Penggunaan iRAO tidak optimum.

- Meningkatkan pemahaman pengguna berkaitan garis panduan dan arahan operasi.

Pengurusan Wang Tak Dituntut yang Berkesan

- Ketidakpatuhan Akta WTD 1965.
- Kelewatan proses permohonan tuntutan bayaran balik WTD.
- Kepuasan pelanggan tidak dapat dipenuhi.

- Mengenal pasti dan menganalisis pematuhan syarikat/firma ke atas Akta WTD 1965 dan melaksanakan pemeriksaan ke atas syarikat/firma berdasarkan analisis tersebut.
- Melaksanakan *task force* bagi menangani isu kelewatan proses permohonan.
- Pemantauan dan penambahbaikan berterusan sistem bagi meningkatkan kepuasan pengguna.

Pelaksanaan Perakaunan Akruan yang Menyeluruh

- Pelaporan perakaunan dan kewangan tidak selari dengan piawaian dan polisi semasa.
- Pakar rujuk yang terhad bagi khidmat nasihat teknikal perakaunan akruan.

- Mengemas kini piawaian secara berkala.
- Melaksanakan kajian perbandingan dengan negara lain bagi mendapatkan amalan kewangan dan perakaunan yang terbaik.
- Mendapatkan input atau maklum balas daripada semua pihak berkepentingan.
- Melatih lebih ramai pegawai untuk menjadi pakar rujuk teknikal perakaunan akruan.

KOMPETENSI

Risiko

Mitigasi

Tadbir Urus Perkhidmatan Perakaunan yang Telus dan Berkesan

- Pengisian perjawatan tidak sistematik dan berkesan.
- Peluang kemajuan kerjaya terbatas.
- Kehilangan pakar bidang (*field expert*).
- Pengurusan bakat yang terhad bagi pelan penggantian pegawai.
- Program kompetensi tidak memenuhi keperluan semasa.


- Pembangunan sistem profiling dan pembangunan kompetensi/bakat.
- Menyediakan pelan *Subject Matter Expert (SME)/field expert*.
- Mewujudkan kerangka pelan penggantian pegawai (*succession plan*).
- Menyediakan *Training Need Analysis* secara menyeluruh bagi memastikan keperluan kompetensi pegawai selari dengan keperluan semasa.

Pembangunan Latihan Perakaunan yang Mampan

- Program latihan tidak relevan dengan perkembangan terkini dan keperluan semasa.
- Pengetahuan dan kompetensi pegawai tidak seiring dengan perubahan terkini.
- Peluang peningkatan kompetensi profesional terhad.

- Memperbaharui kurikulum program latihan secara berkala untuk memastikan ianya selari dengan perkembangan terkini dalam bidang perakaunan.
- Membangunkan modul latihan secara komprehensif bagi memenuhi keperluan pegawai.

MATLAMAT JANM MAMPAN



KEMAMPAHAN JANM

Penambahbaikan penyampaian perkhidmatan JANM pada tahun 2024 telah dilaksanakan bagi menyokong kemampaan JANM seperti berikut:

MEMACU PERTUMBUHAN MAMPAN UNTUK PIHAK BERKEPENTINGAN DAN NEGARA

Pengurusan Perakaunan dan Kewangan Kerajaan Persekutuan	JANM komited dalam mengukuhkan pengurusan perakaunan dan kewangan kerajaan dengan: - Mempertingkatkan pematuhan kepada Akta Tatacara Kewangan dan Polisi Perakaunan. - Menyediakan khidmat nasihat perakaunan dan kewangan.
Penyedia Teknologi	JANM menggunakan penyelesaian yang inovatif berasaskan teknologi serta rangkaian yang stabil dan berkualiti tinggi untuk menjamin kepuasan pelanggan.
Penggubal Dasar dan Peraturan Perakaunan dan Kewangan	JANM mempertingkatkan akauntabiliti dan ketelusan pengurusan perakaunan dan kewangan dengan: - Menggubal dan menambah baik akta, dasar dan peraturan perakaunan dan kewangan. - Menyediakan PKKP yang memberi gambaran benar dan saksama. - Memantapkan pelaksanaan perakaunan pengurusan Kementerian. - Menguruskan kelulusan Juruaudit Syarikat dan Penyelesai. - Mengadakan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan.
Pengurusan dan Penguatkuasaan WTD	JANM komited dalam usaha mempertingkatkan pengurusan dan penguatkuasaan Akta WTD 1965 dengan: - Menambah baik Akta WTD 1965. - Menguruskan WTD dengan amanah dan efisien. - Menyediakan platform serahan, semakan dan permohonan tuntutan dalam talian untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dan mengurangkan kerenah birokrasi.
Rangkuman Digital	JANM komited untuk meningkatkan rangkuman digital bagi memastikan kesalinghubungan meluas agar semua pihak mampu menikmati kemudahan teknologi.

MEMASTIKAN KESINAMBUNGAN OPERASI JANM

Majikan yang Bertanggungjawab	JANM mengutamakan perkembangan profesional dan kesejahteraan peribadi warga dengan memupuk budaya tempat kerja yang beretika dan selamat bagi menyokong pembangunan kerjaya.
Operasi Beretika	JANM menekankan amalan kerja yang beretika, keselamatan siber dan privasi data untuk mengekalkan keyakinan semua pihak berkepentingan.

MENYUMBANG KEPADA AGENDA KELESTARIAN

JANM menyelaraskan hala tuju strategik organisasi dengan empat (4) *Sustainability Development Goals* (SDG) yang selari dengan fungsi utama jabatan iaitu SDG8, SDG9, SDG16 dan SDG17. Penjajaran ini bagi memastikan keupayaan teras JANM mampu memberi impak yang signifikan kepada jabatan dan kelestarian negara.



JANM komited menyumbang secara langsung kepada empat (4) keutamaan *United Nations* (UN) SDG seperti berikut:



Membuka peluang pekerjaan dalam masyarakat untuk menyokong pembangunan ekonomi Malaysia.

Sasaran	Sumbangan JANM
Meningkatkan bilangan Juruaudit Syarikat dan Penyelesai yang berkeelayakan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia	• 65 Kelulusan baharu Juruaudit Syarikat • 4 Kelulusan baharu Penyelesai • 941 Kelulusan pembaharuan Juruaudit Syarikat • 87 Kelulusan pembaharuan Penyelesai
Menyediakan peluang pekerjaan yang inklusif, meningkatkan kemahiran dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara	Meneruskan lantikan MySTEP di bahagian/negeri/cawangan JANM sebagai usaha menyokong inisiatif kerajaan yang menyediakan peluang pekerjaan jangka pendek (kontrak) untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan mampan. Melalui lantikan ini, personel MySTEP dapat mengembangkan kemahiran dan pengalaman dalam sektor awam, sekali gus menyokong pembangunan tenaga kerja yang berdaya saing di masa hadapan.



Sebagai Peneraju Terbilang dalam Perakaunan Kewangan dan Perakaunan Pengurusan Sektor Awam, JANM menyumbang secara langsung kepada pengukuhan Pengurusan Kewangan Sektor Awam dan mengoptimumkan keupayaan infrastruktur digital. Matlamat ini sejajar dengan misi jabatan untuk mempertingkatkan kesalinghubungan, inovasi dan perluasan akses sistem perakaunan dan kewangan di seluruh negara.

Sasaran	Sumbangan JANM
Menyokong pembangunan teknologi dan akses ICT bagi pengurusan perakaunan dan kewangan negara	- iGFMS - Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Kerajaan Bersepadu. - eGUMIS - Sistem bagi kemudahan serahan, semakan dan tuntutan WTD secara dalam talian. - iSPLN - Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Berkomputer Luar Negeri. - iSPEKS - Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri. - iPayment - Sistem Terimaan Elektronik Bersepadu untuk kegunaan Kementerian dan Jabatan Persekutuan. - MyCost - Modul pengekos dalam sistem iGFMS. - iAREF - Sistem bersepadu dalam melaksanakan penilaian sendiri, pengauditan, naziran, maklum balas dan pelaporan. - eMAKLUM - Sistem semakan bayaran kepada pembekal dan individu (termasuk penjawat awam). - eSPGL - Sistem semakan penyata gaji bulanan dan Penyata Pendapatan Tahunan Penjawat Awam Persekutuan. - eVENDOR - Sistem pendaftaran untuk pembekal dan individu yang berurusan dengan kerajaan. - iManage - Sistem Borang Digital bagi Perkhidmatan ICT di JANM.
Mempertingkatkan keupayaan teknologi bagi perkhidmatan perakaunan dan kewangan	Meningkatkan keupayaan teknologi melalui: <i>Disruptive Digital Technologies</i> ke arah transformasi perkhidmatan melalui projek RPA yang dibangunkan secara dalaman bagi meningkatkan produktiviti serta memberi nilai tambah kepada perkhidmatan sedia ada. - Integrasi RPA WTD bagi proses pengesahan WTD yang memendekkan masa pemprosesan tuntutan.



JANM komited membina institusi yang berkesan, dipercayai dan menyeluruh pada semua tahap bagi mengukuhkan integriti maklumat kewangan dan perakaunan kerajaan.

Sasaran	Sumbangan JANM
Menyokong pembangunan institusi yang dipercayai	Mengukuhkan maklumat kewangan dan perakaunan melalui: • Pengauditan khas dan pengauditan penyata kewangan pra peralihan. • Kelulusan Juruaudit Syarikat dan Penyelesai. • Peraturan Perakaunan dan Kewangan – SPANM/GPANM/ Pelan Pengurusan Risiko/Manual Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan/Garis Panduan Naziran Pematuhan Perakaunan Persekutuan/Garis Panduan Naziran Khas Semakan Aset Tak Alih Tanah dan Bangunan. • Penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut 1965. • Pelaksanaan program integriti.




Pendekatan JANM untuk penciptaan nilai melibatkan kerjasama yang meluas dengan pelbagai usaha sama daripada sektor awam dan swasta. Usaha bersifat kolaboratif ini bertujuan untuk mempertingkatkan akauntabiliti dan ketelusan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan termasuk pembangunan kompetensi penjawat awam dan transformasi digital.

Sasaran	Sumbangan JANM
Mempertingkatkan kerjasama dalam bidang sains, teknologi dan inovasi	Integrasi Sistem Kerajaan Persekutuan/Negeri/Luar Negara dengan agensi Persekutuan dan swasta: Sistem yang berintegrasi dengan sistem JANM seperti ePerolehan, MyResult, HRMIS dan eBantuan.
Mengukuh kerjasama dengan pihak berkepentingan	Khidmat nasihat operasi perakaunan antara Kementerian, Jabatan dan agensi.
Mempertingkatkan penggunaan teknologi pemacu, terutamanya ICT	Pertambahan bilangan pengguna sistem JANM berbanding tahun 2023: • iGFMAS – 69,239 pengguna (↑ 2.18%) • iSPEKS – 19,389 pengguna (↑ 7.67%) • MyCost – 2,697 pengguna (↑ 1,157.51%) • iAREF – 34,771 pengguna (↑ 2.65%) • eGUMIS – 5.8 juta pengguna (↑ 11.54%)

Sasaran	Sumbangan JANM
Menyokong perancangan negara untuk melaksanakan SDG melalui pembinaan kapasiti	Pembiayaan/tajaan pengajian profesional seperti: • <i>The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)</i> • <i>The Chartered Institute of Management Accountants (CIMA)</i> • <i>The Certified Practising Accountants Australia (CPA Australia)</i> • <i>The Association of Certified Chartered Accountants (ACCA)</i> Pelaksanaan penyelidikan melalui kolaborasi bersama Institusi Pengajian Tinggi.
Menggalakkan usaha sama awam dan swasta	Kerjasama strategik melalui: • Sesi libat urus penambahbaikan akta, piawaian dan polisi. • Forum peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi pengurusan perakaunan dan kewangan sektor awam.

MATLAMAT DAN PRESTASI STRATEGIK



MATLAMAT DAN PRESTASI STRATEGIK

PELAN STRATEGIK BUSINESS JANM 2024 - 2025

**PENCAPAIAN BAGI TEMPOH BERAHIR
31 DISEMBER 2024**

4

Teras Strategik

7

Strategi

13

Program

25

Projek

TS1: MEMACU JANM KE ARAH KECEMERLANGAN INSTITUSI

STRATEGI 1: Memperkasakan Tadbir Urus Perakaunan Kewangan dan Perakaunan Pengurusan Sektor Awam

PROGRAM	PROJEK	PENCAPAIAN
P1: Pembudayaan Amalan Program Pengurusan Perubahan kepada Pegawai Perakaunan	BSTISIP1-A: Penyediaan Laporan Pemantauan Pelaksanaan Pengurusan Perubahan berdasarkan Matriks Pengukuran Inisiatif Pengurusan Perubahan	50%
P2: Pengiktirafan JANM di Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa	BSTISIP2-A: Pengiktirafan IPN sebagai Pusat Latihan Bertauliah	70%
	BSTISIP2-B: Pengindeksan Jurnal IPN	100%

STRATEGI 2: Meningkatkan Peranan Penasihat dan Perundingan dalam Pengurusan Perakaunan dan Kewangan Sektor Awam

PROGRAM	PROJEK	PENCAPAIAN
P1: Peningkatan Pengetahuan dan Set Kemahiran	BSTIS2P1-A: Pembangunan Pelan SME	25%
P2: Kajian Kebolehlaksanaan Penilaian Aset Melalui Jawatankuasa Kerja	BSTIS2P2-A: Penyediaan Kertas Kajian bagi Pelaksanaan Penilaian Semula Aset Tanah dan Bangunan Kerajaan	70%
	BSTIS2P2-B: Penyediaan Kertas Kajian Instrumen Kewangan (Ekuiti Tak Tersiar Harga)	50%

TS2: MENERAJU PERKHIDMATAN PERAKAUNAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN PENGURUSAN SEKTOR AWAM

STRATEGI 1: Meningkatkan Keupayaan *Business* dalam Perkhidmatan Perakaunan Kewangan dan Perakaunan Pengurusan Sektor Awam

PROGRAM	PROJEK	PENCAPAIAN
P1: Pengukuhan Perakaunan Kewangan Sektor Awam melalui Pengauditan	BST2SIP1-A: Pembangunan Manual Pengauditan Digital	50%
	BST2SIP1-B: Kajian Pelaksanaan Pengauditan Forensik	50%
P2: Pengiktirafan JANM di Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa	BST2SIP2-A: Peluasan Sistem iPayment	10%

STRATEGI 2: Meningkatkan Tahap Penyampaian Perkhidmatan JANM sebagai Pemegang Tunggal Maklumat Perakaunan Kewangan dan Perakaunan Pengurusan

PROGRAM	PROJEK	PENCAPAIAN
P1: Pengukuhan Tadbir Urus Data	BST2S2P1-A: Pembangunan Dokumen Rangka Kerja Tadbir Urus Data Kewangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia	55%
P2: Pemantapan Pelaporan Akaun Amanah	BST2S2P2-A: Pelaksanaan Kajian Keperluan Menambah Baik Persembahan Penyata Kewangan Kumpulan Amanah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61)	50%

TS3: MELONJAK TRANSFORMASI INSTITUSI KE ARAH KEWANGAN DAN PERAKAUNAN DIGITAL

STRATEGI 1: Memperkukuh Sistem Pengurusan Perakaunan Kewangan dan Perakaunan Pengurusan Sektor Awam

PROGRAM	PROJEK	PENCAPAIAN
P1: Pengukuhan Keseluruhan Sistem Perakaunan Kewangan dan Perakaunan Pengurusan Sektor Awam yang Bersepadu P2: Pemacuan Ke Arah Kemajuan Transformasi Perkhidmatan	BST3SIPI-A: Pengukuhan Pengurusan Risiko melalui Penambahbaikan <i>Blueprint</i> Pengurusan Risiko Pelan Strategik JANM 2024-2025	100%
	BST3SIPI-B: Pematuan Pengurusan Risiko	Projek Gugur
	BST3SIPI-C: Pemerkasaan Polisi dan Dokumentasi bagi Perakaunan Pengurusan	58%
	BST3SIPI-D: Pengupayaan Kapasiti Sumber Manusia bagi Perakaunan Pengurusan	60%
	BST3SIPI-E: Pemantapan Proses dan Teknologi bagi Perakaunan Pengurusan	40%
	BST3SIP2-A: Pelaksanaan Kajian Mengenal Pasti Data dan Pemilik Data bagi Perkongsian Data Kewangan dan Bukan Kewangan (Skop iGFMAS)	50%
	BST3SIP2-B: Pelaksanaan Kajian Transformasi Perkhidmatan Pelanggan WTD	100%
	BST3SIP2-C: Pelaksanaan Kajian Pelan Pembangunan SPWTD 2.0 – Pengisytiharan Pematuan Akta WTD 1965	20%
	BST3SIP2-D: Pembangunan <i>Dashboard</i> Pemantauan Operasi Pejabat Perakaunan (iDashboard)	100%

STRATEGI 2: Mempergiatkan Pelaksanaan *Digital Workspace* untuk Penyampaian Perkhidmatan yang Lebih Efisien dan Efektif

PROGRAM	PROJEK	PENCAPAIAN
P1: Pembangunan Platform Pembelajaran Digital JANM	BST3S2P1-A: Penggunaan Sistem Pengurusan Pembelajaran atau <i>Learning Management System</i>	0%
	BST3S2P1-B: Penyediaan Ekosistem Teknologi yang Optimum bagi Pelaksanaan Pembelajaran Digital	0%
	BST3S2P1-C: Pembangunan Kapasiti dan Kepakaran Pasukan Pembelajaran Digital	50%

TS4: MEMPERKASAKAN MODAL INSAN

STRATEGI 1: Meningkatkan Kecekapan dan Kemahiran

PROGRAM	PROJEK	PENCAPAIAN
P1: Pembangunan Kompetensi P2: Pengurusan Kompetensi/Pengurusan Bakat	BST4SIPI-A: Pembangunan Kompetensi Profesional Secara Khusus Mengikut Keperluan Semasa	50%
	BST4SIP2-A: Penyediaan <i>Blueprint</i> Sistem Profil Kompetensi	Projek Tahun 2025

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN JANM 2024 – 2025

**PENCAPAIAN BAGI TEMPOH BERAHIR
31 DISEMBER 2024**

3

Teras
Strategik

7

Strategi

12

Program

16

Projek

TS2: MEMANTAPKAN DAN MENGURUSKAN KAPASITI DAN KOMPETENSI KEMAHIRAN ICT

STRATEGI 1: Pengukuhan Kemahiran dan Kecekapan ICT

PROGRAM

P1: Peningkatan Pengetahuan dan Kemahiran Modal Insan dalam Bidang Perakaunan dan ICT Selaras dengan Pelan Digital Sektor Awam

PROJEK

TST2S1P1-A: Pelaksanaan Latihan dan Kursus bagi Domain *Business* dan SME ICT BPTM JANM

PENCAPAIAN

 48%

TS3: MEMPERHEBAT DAN MELONJAKKAN TRANSFORMASI PERKHIDMATAN

STRATEGI 1: Menyelaraskan Sistem Kewangan dan Perakaunan Kerajaan untuk Penyampaian Perkhidmatan yang Kondusif

PROGRAM

P1: Kemudahan Sistem Perakaunan yang Cepak dan Berkesan

P2: Kemudahan Sistem Terimaan yang Cepak dan Berkesan

P3: Mengukuhkan Platform Integrasi Sektor Awam Sedia Ada untuk Sistem Kewangan dan Perakaunan Kerajaan

P4: Menerajui Penambahbaikan Kemampuan *Business* Aplikasi Sokongan iGFMAS, iSPEKS dan iSPLN

PROJEK

TST2S1P1-A: Penambahbaikan Berterusan iSPEKS

TST3S1P2-A: Pembangunan Sistem iPayment

TST3S1P3-A: Kajian Peningkatan Sistem Kewangan & Perakaunan Kerajaan Persekutuan (iGFMAS) Berasaskan Teknologi Pengkomputeran Awan

TST3S1P4-A: Pembangunan Aplikasi Mudah Alih *Electronic Government Unclaimed Money Information System* (eGUMIS)

PENCAPAIAN

 100%

 91%

 20%

 80%

STRATEGI 2: Memanfaatkan *Disruptive Technologies* bagi Transformasi Membuat Keputusan

PROGRAM

P1: Melaksanakan Inisiatif *Disruptive Technologies*

PROJEK

TST3S2P1-A: *Robotic Process Automation* (RPA)

TST3S2P1-B: *Artificial Intelligence* (AI) Chatbot untuk Sistem eVENDOR

TST3S2P1-C: *Robotic Process Automation* (RPA) untuk Proses Permohonan Tuntutan Bayaran Balik WTD

PENCAPAIAN

 44%

Projek Gugur

 67%

STRATEGI 3: Melonjakkan Penggunaan *Digital Workspace***PROGRAM**

P1: Mengukuhkan Pembangunan Aplikasi Sokongan JANM

P2: Mencetus Platform Kerjasama untuk JANM dan Agensi-agensi Sektor Awam

P3: Mengukuhkan Pembangunan Sistem Sumber Manusia

PROJEK


TST3S3P1-A: Pembangunan dan Pelaksanaan *Centralised Enterprise Helpdesk*

TST3S3P2-A: Pengintegrasian iGFMAS HCM dengan Sistem LPPSA

TST3S3P3-A: Pembangunan Sistem Profil Kompetensi/ Pengurusan Bakat

PENCAPAIAN

Projek Tahun 2025

 100%

Projek Tangguh

STRATEGI 4: Mempergiatkan Pelaksanaan *Digital Workspace* untuk Penyampaian Perkhidmatan yang Lebih Efisien dan Efektif**PROGRAM**

P1: Pembangunan Platform Pembelajaran Digital JANM

PROJEK

TST3S4P1-A: Penyediaan Ekosistem Teknologi yang Optimum bagi Pelaksanaan Pembelajaran Digital

PENCAPAIAN

 25%

TS4: MENERIMA PAKAI TEKNOLOGI INFRASTRUKTUR ICT TERKINI DAN MEMPERKUKUH KESELAMATAN SIBER**STRATEGI 1:** Mengukuhkan Tadbir Urus Keselamatan dan Perkhidmatan ICT**PROGRAM**

P1: Memperkukuhkan Persekitaran Keselamatan Siber, Polisi dan Pematuhan


PROJEK

TST4S1P1-A: Pelaksanaan ISMS ISO/IEC 27001:2022

PENCAPAIAN

 50%

MAKLUMAT KEWANGAN



PENYATA PRESTASI BAJET

(BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024)

PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS

	Peruntukan Asal (RM)	Peruntukan Dipinda (RM)	Perbelanjaan Sebenar (RM)	Prestasi Perbelanjaan (%)
Program Perkhidmatan Perakaunan				
Emolumen	151,159,900.00	158,241,900.00	158,241,482.11	99.99
Perkhidmatan dan Bekalan	122,711,500.00	95,922,100.00	95,921,806.55	99.99
Aset	8,177,800.00	20,895,600.00	20,895,208.27	99.99
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	251,600.00	216,500.00	216,500.00	100.00
Jumlah	282,300,800.00	275,276,100.00	275,274,996.93	99.99
Program Khusus				
Perkhidmatan dan Bekalan	5,680,200.00	4,650,389.96	4,650,101.63	99.99
Jumlah	5,680,200.00	4,650,389.64	4,650,101.63	99.99

Pada tahun 2024, JANM telah menerima peruntukan sebanyak RM275.28 juta melalui Program Perkhidmatan Perakaunan. Berdasarkan Penyata Prestasi Belanja Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2024, sebanyak 99.99% daripada jumlah Peruntukan Dipinda telah dibelanjakan di mana perbelanjaan tertinggi adalah melibatkan pembayaran emolumen kepada penjawat awam yang berkhidmat di JANM.


Bagi Program Khusus, JANM telah menerima peruntukan sebanyak RM5.68 juta pada tahun 2024 dan perbelanjaan telah mencapai 99.99%. Peruntukan ini digunakan untuk pembayaran Emolumen Kakitangan Kontrak dan juga perbelanjaan yang melibatkan tugas luar negara.

PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

	Peruntukan Asal (RM)	Peruntukan Dipinda (RM)	Perbelanjaan Sebenar (RM)	Prestasi Perbelanjaan (%)
iPayment	2,470,000.00	3,926,800.00	3,806,649.19	96.94
iSPLN	306,200.00	306,200.00	306,184.00	99.99
STP IPN	59,900.00	59,900.00	34,596.76	57.76
Luaran IPN	800,000.00	600,000.00	600,000.00	100.00
OE DE iGFMS	37,500,000.00	34,948,200.00	32,705,829.21	93.58
Jumlah	41,136,100.00	39,841,100.00	37,453,259.16	94.01

Berdasarkan Penyata Prestasi Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024, jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM37.45 juta iaitu 94.01% daripada jumlah Peruntukan Dipinda. Peruntukan dan perbelanjaan tertinggi adalah melibatkan projek iGFMS dengan perbelanjaan sebanyak 87.32% (RM32.71 juta) daripada jumlah keseluruhan Perbelanjaan Sebenar diikuti dengan projek iPayment dan Luaran IPN masing-masing mencatatkan perbelanjaan sebanyak 10.16% dan 1.60%. Pada tahun 2024, terdapat dua (2) projek telah siap sepenuhnya iaitu projek iSPLN dan STP IPN.

SOROTAN MAKLUMAT PENCIPTAAN NILAI



PEMANTAPAN FUNGSI JANM

MENYEDIAKAN DAN MENAMBAH BAIK SISTEM PERAKAUNAN DAN KEWANGAN KERAJAAN YANG EFISIEN


SISTEM TERIMAAN ELEKTRONIK KERAJAAN PERSEKUTUAN (iPayment)

iPayment atau Sistem Terimaan Elektronik Kerajaan Persekutuan merupakan sistem terimaan elektronik bersepadu yang dibangunkan oleh JANM untuk digunakan oleh agensi Kerajaan Persekutuan bagi menguruskan bayaran orang awam terhadap perkhidmatan kerajaan.

Penggunaan iPayment disasarkan kepada agensi yang memenuhi kriteria berikut:



Statistik Pelaksanaan iPayment (sehingga 31 Disember 2024)



MEMBUDAYAKAN DAYA CIPTA INOVASI DAN PENDIGITALAN

SISTEM INTEGRATED AUDIT REPORT & FEEDBACK MANAGEMENT (iAREF)

Sistem *Integrated Audit Report & Feedback Management* (iAREF) telah dibangunkan bagi mewujudkan satu sistem bersepadu yang boleh digunakan oleh Bahagian JANM, Pejabat Perakaunan dan PTJ dalam melaksanakan penilaian sendiri (*Self Assessment Audit-SAA*), pengauditan, naziran, maklum balas dan pelaporan.

Sistem iAREF memudahkan pemantauan secara *real time* bagi pengurusan naziran, pengauditan, SAA, DAT, Modul Maklum Balas Teguran Lain (MATEL) dan Kertas Kerja Sokongan (KKS) dari segi perancangan, pelaksanaan, pelaporan dan maklum balas. Pengguna semasa iAREF adalah seramai 34,771 orang.

MEMBANGUNKAN DASAR PERAKAUNAN DAN KEWANGAN SEKTOR AWAM YANG PROGRESIF DAN MAPAN

PIAWAIAN PERAKAUNAN KERAJAAN (PPK) DAN PIAWAIAN PERAKAUNAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (MPSAS)

PPK dan MPSAS merupakan piawaian utama yang dibangunkan oleh JANM bagi memperkukuh sistem pelaporan kewangan sektor awam. Piawaian ini menjadi rujukan utama dalam memastikan penyata kewangan disediakan secara konsisten, telus dan berakuntabiliti, selaras dengan prinsip tatakelola yang baik serta berpandukan piawaian perakaunan antarabangsa.

PPK diguna pakai oleh entiti sektor awam yang mengamalkan sistem perakaunan tunai ubah suai, meliputi Kementerian dan Jabatan Persekutuan, Kerajaan Negeri serta agensi-agensi sektor awam lain yang beroperasi di bawah sistem perakaunan tunai. Piawaian ini berperanan penting dalam memastikan ketekalan amalan perakaunan dan kawalan yang berkesan ke atas pengiktirafan transaksi tunai dalam konteks pengurusan kewangan harian.

MPSAS pula diterapkan oleh entiti sektor awam yang telah melaksanakan sistem perakaunan akrual secara menyeluruh. Piawaian ini terpakai kepada Kementerian dan Jabatan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan serta agensi-agensi lain yang berkaitan. MPSAS digubal berasaskan rangka kerja IPSAS bagi memastikan penyata kewangan yang dihasilkan menepati standard global, memperkukuh akauntabiliti serta memberikan gambaran yang lebih lengkap dan berwibawa mengenai kedudukan kewangan serta prestasi kewangan entiti sektor awam.

Pemerkasaan dan semakan semula piawaian ini dijalankan secara berterusan bagi memastikan ia kekal relevan dan responsif kepada perubahan piawaian perakaunan antarabangsa. Usaha penggubalan piawaian turut melibatkan penglibatan aktif pelbagai pihak berkepentingan seperti Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun serta pakar akademik dan profesional dalam bidang perakaunan sektor awam.

Kategori Kaedah Penyampaian

Kaedah	Pelaksanaan
Penyelidikan dan Semakan	Penyelidikan dan penilaian berterusan dijalankan bagi memastikan relevansi PPK dan MPSAS.
Penggubalan/ Pembaharuan	Draf dedahan dan draf piawaian disediakan oleh Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akrual, JANM berdasarkan IPSAS yang diperakukan oleh <i>Governmental Accounting Standards Advisory Council</i> (GASAC) dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Akrual.
Libat Urus	Libat urus dijalankan bersama Agensi Kerajaan, Badan Berkanun, badan profesional dan pengguna piawaian melalui sesi maklum balas.
Latihan dan Pembangunan Kepakaran	Pegawai diberi latihan berterusan untuk menjadi pakar rujuk piawaian dan memberikan khidmat nasihat teknikal.

Pencapaian Pemakaian Piawaian Perakaunan

Komponen	Pencapaian
PPK	10 PPK sedia ada dikekalkan dan disemak secara berkala untuk kekal relevan.
MPSAS	33 MPSAS berkuat kuasa. Pada tahun 2024, Draf Dedahan 38/2024 (<i>Financial Instruments</i> - adaptasi IPSAS 41) telah diperakukan oleh GASAC dan diedarkan kepada 122 pihak berkepentingan untuk ulasan.
Pengukuhan Tadbir Urus	Penyeragaman pelaporan kewangan sektor awam merentasi entiti Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Nilai yang Dicipta untuk Pihak Berkepentingan

- **Kerajaan dan Agensi Awam:** Piawaian mantap membantu pengurusan fiskal yang lebih cekap dan berakauntabiliti.
- **Pengguna Piawaian:** Rujukan teknikal yang seragam dan jelas dalam penyediaan penyata kewangan.
- **Orang Awam:** Menjamin ketelusan dan integriti pelaporan penggunaan wang awam.

MEMBANTU KERAJAAN MEMBUAT KEPUTUSAN STRATEGIK

STRATEGIC MANAGEMENT ACCOUNTING AND REPORTING (SMART)

Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan telah dikuatkuasakan kepada semua Kementerian melalui Pekeliling Perbendaharaan (PP) PS 1.3 - Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan dan Surat Arahan ANM bertarikh 23 Februari 2021 dengan memperkenalkan Perakaunan Pengurusan dan Pelaporan Strategik atau dikenali sebagai *Strategic Management Accounting and Reporting* (SMART).



SMART adalah laporan strategik yang mengandungi empat (4) elemen iaitu Analisis Penyata Kewangan dan Penilaian Risiko, Pengekoston, Pengukuran Prestasi dan Analisis Sumber. SMART adalah mekanisme berstruktur yang mengenal pasti, mengukur, menganalisis, mentafsir dan menyampaikan maklumat yang komprehensif kepada pembuat keputusan. Ia menggunakan *diagnostic approach* dan menggabungkan data kewangan dan bukan kewangan untuk dianalisis bagi mengenal pasti hubungan kait, mendapatkan gambaran yang sebenar dan menghasilkan huraian yang lebih bermakna. Maklumat ini akan membantu pihak berkepentingan memantapkan proses perancangan strategi dan pembuatan keputusan dalam proses pengurusan belanjawan, kawalan perbelanjaan dan pengurusan prestasi bagi semua agensi kerajaan.

Pada tahun 2024, 26 buah Kementerian telah berjaya menghasilkan Laporan SMART dan dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) masing-masing bagi membantu pihak pengurusan memantapkan proses perancangan strategi dan pembuatan keputusan dalam proses pengurusan belanjawan, kawalan perbelanjaan dan pengurusan prestasi di Kementerian.

MENINGKATKAN PEMATUHAN DAN PENGUATKUASAAN TERHADAP AKTA, PEKELILING, PERATURAN DAN ARAHAN BERKAITAN PERAKAUNAN DAN KEWANGAN

AKTA WTD (PINDAAN) 2024

Pada 26 Mac 2024, Dewan Rakyat telah meluluskan pindaan Akta WTD 1965, diikuti oleh kelulusan Dewan Negara pada 3 April 2024. Pindaan ini bertujuan memperkemas pelaksanaan akta agar lebih relevan dengan keperluan semasa, memastikan pengurusan lebih telus serta menjamin kepentingan orang awam.



Antara perubahan utama adalah pengurangan tempoh masa pemindahan WTD dari Akaun Amanah Disatukan ke Akaun Hasil Disatukan dari 15 tahun kepada 10 tahun. Pindaan ini bertujuan membantu meningkatkan aliran tunai kerajaan bagi membiayai keperluan perbelanjaan, termasuk objektif sosio-ekonomi negara serta pemulihan ekonomi. Pengurangan tempoh masa pemindahan ke Akaun Hasil Disatukan ini juga membolehkan pengurusan dana yang lebih baik dan efisien.

Pindaan Akta ini juga melihat bagaimana kerajaan mengurus sumber dengan berkesan tanpa menyetepikan kepentingan awam. Walaupun pindaan WTD ke Akaun Hasil Disatukan dibuat, empunya atau waris empunya WTD masih tetap berhak menuntut wang mereka. Hal ini kerana tiada had masa ditetapkan untuk membuat tuntutan WTD.

Pindaan juga memperkenalkan pemakluman digital bagi WTD, menggantikan kaedah pewartaan tradisional. Penggunaan portal eGUMIS oleh JANM memudahkan orang awam membuat semakan dan tuntutan WTD secara dalam talian. Ini selari dengan transformasi digital dalam sektor awam, seiring dengan perkembangan teknologi komunikasi maklumat yang memudahkan penyebaran informasi.

Selain daripada itu, untuk memberi kesaksamaan kepada semua, tempoh penyediaan daftar dan rekod empunya WTD oleh syarikat dan firma telah dipanjangkan dari satu (1) tahun kepada dua (2) tahun. Perkara ini membolehkan syarikat dan firma mempunyai tempoh yang mencukupi untuk penyediaan daftar dan rekod empunya WTD supaya ia lebih teratur dan lengkap.

Secara keseluruhannya, pindaan Akta WTD 1965 ini mengutamakan tadbir urus yang baik, meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan memastikan pengurusan WTD yang lebih efisien dan telus.

MEMBANGUNKAN MODAL INSAN TERLATIH DAN PROFESIONAL

PROGRAM PENGAJIAN DALAM BADAN PROFESIONAL PERAKAUNAN


JANM melalui Pusat Pembangunan Profesional, Institut Perakaunan Negara (IPNCPD) menawarkan tajaan bagi membiayai Program Pengajian Dalam Badan Profesional Perakaunan bagi meningkatkan keahlian dalam badan profesional yang diiktiraf oleh Institut Akauntan Malaysia (MIA) berdasarkan Akta Akauntan 1967.

Pada masa ini, inisiatif Program Pengajian Dalam Badan Profesional Perakaunan yang sedang dilaksanakan melibatkan badan profesional seperti berikut:

- *The Malaysian Institute of Certified Public Accountants* (MICPA)
- *The Chartered Institute of Management Accountants* (CIMA)
- *The Certified Practising Accountants Australia* (CPA Australia)
- *The Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA)

Kerjasama kukuh dengan rakan strategik bagi Program Pengajian Dalam Badan Profesional Perakaunan JANM iaitu ACCA, CIMA, CPA Australia, MICPA dan tenaga pengajar iaitu Universiti Teknologi MARA, Noesis Exed, TYMBA Education dan Kaplan telah memastikan calon-calon cukup bersedia menghadapi peperiksaan sekali gus melayakkan keahlian dalam badan profesional.

Secara keseluruhannya 679 orang akauntan lantikan JANM dan 26 orang akauntan bukan lantikan JANM telah mengikuti program ini sejak dimulakan pada tahun 2012. Sehingga 31 Disember 2024, program ini telah membantu 352 orang Akauntan Sektor Awam menamatkan pengajian dengan jayanya dan layak dipertimbangkan untuk keahlian penuh badan profesional perakaunan dengan 14 daripadanya telah lulus penuh pengajian pada tahun 2024. Statistik calon lulus penuh program badan profesional perakaunan adalah seperti carta berikut:



Akauntan Lulus Penuh Program Pengajian dalam Badan Profesional Perakaunan CIMA – MIA Special Pathway



Adilah Yahaya
Akauntan WA12
Kementerian Ekonomi



Yong Kok Sia
Akauntan WA12 (KUP)
Institut Perakaunan Negara



Al-Hami Zurairi
Yahya Mahmood
Akauntan WA10
Universiti Malaysia Sabah



Nadzirah Zulkifli
Akauntan WA10
Jabatan Belia dan Sukan
Negara



Nirwani Mustafa
Akauntan WA10
Perbendaharaan Negeri Perlis



Nurulhuda Md Salleh
Akauntan WA10
Unit Kerjasama Awam Swasta



**Nurul Aini Othmanul
Hakim**
Akauntan WA9
Kementerian Dalam Negeri

Akauntan Lulus Penuh Program Pengajian dalam Badan Profesional Perakaunan MICPA x CA ANZ Qualifying Programme



Armi Arfifi Azmi
Akauntan WA10
Kementerian Kesihatan
Malaysia



Anuratha Damothran
Akauntan WA9
Ibu Pejabat Penjara Malaysia



Azizah Onn
Akauntan WA9
Jabatan Pendidikan Negeri
Sarawak



Noor Hidayah Mat Isa
Akauntan WA9
Kementerian Pendidikan
Malaysia



Siti Zuraida Usman
Akauntan WA9
Jabatan Kebajikan Masyarakat



Wan Norzikri Hakim
Wan Ismail
Akauntan WA9
Agensi Angkasa Malaysia

Akauntan Lulus Penuh Program Pengajian dalam Badan Profesional Perakaunan CPA Australia – MIA Special Pathway



Fadzeen Fadzil Baharin
Akauntan WA10
Kementerian Kesihatan Malaysia

Program MICPA *Special Pathway for MIA Members* yang telah diperkenalkan pada tahun 2022 turut memberi peluang kepada pegawai kanan untuk mendapatkan keahlian MICPA, seterusnya membantu dalam meningkatkan kualiti dan imej profesion Perakaunan Sektor Awam. Sejak diperkenalkan, 52 orang pegawai telah mendapat keahlian MICPA dengan 22 daripadanya diperolehi pada tahun 2024.

PROGRAM CONTINUING PROFESSIONAL DEVELOPMENT (CPD)

Pelbagai program dan kursus telah dirancang dan dilaksanakan di bawah Program *Continuing Professional Development* (CPD) dalam usaha meningkatkan profesionalisme dan keupayaan prestasi tinggi dalam kalangan akauntan lantikan JANM. Rangka program yang dibangunkan adalah berdasarkan *International Education Standard* (IES) oleh *International Federation of Accountants* (IFAC). IES yang berkaitan adalah IES 2 – kompetensi teknikal, IES 3 – kemahiran profesional seperti intelek, komunikasi interpersonal, keperibadian serta kemahiran organisasi dan IES 4 – nilai, etika dan sikap profesional. Senarai program yang telah dijalankan pada tahun 2024 adalah seperti berikut:

Bil.	Tajuk Program	Bilangan Peserta
1	ACCA <i>Certificate in International Public Sector Accounting Standards</i> (Cert IPSAS)	18
2	Bengkel RPA <i>Citizen Developer</i> Tahun 2024 (Siri I)	26
3	Bengkel RPA <i>Citizen Developer</i> Tahun 2024 (Siri II)	38
4	<i>Chartered Financial Analyst</i> (CFA) Level 1	10
5	CIPFA <i>Certificate in Asset Valuation</i>	2
6	<i>Corporate Finance</i> CFA Level 1 (Siri I)	14
7	<i>Corporate Finance</i> CFA Level 1 (Siri II)	19
8	<i>Corporate Finance</i> CFA Level 1 (Siri III)	14
9	<i>Data Analytics</i> : Latihan Teknikal dan Kajian Kes	14
10	Dialog bersama <i>Economist</i> – Tan Sri Datuk Dr. Rebecca Fatima Sta Maria	50
11	ESG – <i>Awareness, Practicality & Governance</i>	95
12	<i>Fair Valuation of Financial Assets</i>	113
13	ICAEW <i>Data Analytics Certificate Programme</i>	20
14	Keselamatan Siber dalam Perkhidmatan Awam	30
15	<i>Knowledge Sharing Session</i> with Sarah Ghosh – <i>Seize the Future, Opportunities for the Profession (Public Sector)</i>	52
16	Kursus Kepimpinan Akauntan Gred WA13	25

Bil.	Tajuk Program	Bilangan Peserta
17	Kursus Kepimpinan Akauntan Gred WA14	21
18	<i>Leadership Talk & Knowledge Sharing Session with Barry C. Melancon</i>	44
19	<i>Leadership Talk & Knowledge Sharing Session with Dr. Nurmazilah Dato' Mahzan: Developing ESG Mindset in an Organisation</i>	46
20	<i>Public Finance: Current Issues & Research Findings</i>	36
21	<i>Sustainability Reporting in the Public Sector</i>	96



Kursus Kepimpinan Akauntan Gred WA14



Kursus Kepimpinan Akauntan Gred WA13

PROGRAM PENTAULIAHAN MICROSOFT OFFICE SPECIALIST (MOS)

Program Pentaualiahan *Microsoft Office Specialist* (Excel, PowerPoint dan Word) yang telah dilaksanakan bermula tahun 2020 telah diteruskan pada tahun 2024 bagi melengkapkan warga JANM dengan pengetahuan dan kemahiran berteraskan aplikasi dan teknologi semasa. Pentaualiahan ini bertujuan untuk membangunkan kompetensi bakal tenaga pengajar bagi kursus Microsoft yang setiap tahun dijalankan di JANM. Jumlah peserta lulus dalam program pentaualiahan ini adalah seperti berikut:

	Excel	
	Peserta	Lulus
2020	25	17
2021	50	36
2022	25	16
2023	25	24
2024	-	-
Jumlah	125	93 (74%)

	PowerPoint	
	Peserta	Lulus
2020	25	20
2021	48	46
2022	25	19
2023	25	23
2024	-	-
Jumlah	123	108 (88%)

	Word	
	Peserta	Lulus
2020	-	-
2021	-	-
2022	25	21
2023	25	20
2024	20	20
Jumlah	70	61 (87%)

PROGRAM LATIHAN TENAGA PENGAJAR DAN PENTAULIAHAN

Kemahiran dan kompetensi tenaga pengajar telah dilaksanakan untuk mengenal pasti dan mengasah kepakaran tenaga pengajar yang baharu setiap tahun. Peningkatan kualiti penyampaian oleh tenaga pengajar akan meningkatkan penarafan kursus secara keseluruhan sekali gus memastikan kecemerlangan IPN sebagai *Core Center* Kursus Generik Kewangan dan Perakaunan.

Pada tahun 2024, seramai 79 tenaga pengajar telah dilatih dalam pelbagai bidang perakaunan dan kewangan seperti berikut:

Bil.	Nama Kursus	Bilangan Peserta	Penganjur
1	<i>Fair Value Accounting</i>	2	MIA
2	<i>Understanding Environmental, Social and Governance (ESG) Audits: Checklist and Best Practices</i>	28	JANM
3	<i>Fundamental of Forensic Accounting Programme</i>	2	MIA
4	<i>Data Visualisation with Tableau for Beginner</i>	4	MIA
5	<i>Data Visualisation & Analytic with Power BI</i>	4	MIA
6	<i>Data Storytelling</i>	9	MIA
7	<i>Pembelajaran Digital - Mobile Apps</i>	15	IKBN
8	<i>Kursus Digital Learning: Augmented Reality</i>	15	Virtual Space Centre

KURSUS KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

Sebagai pusat latihan yang bernaung di bawah JANM, IPN bertanggungjawab untuk melatih dan meningkatkan kompetensi pegawai awam khususnya dalam bidang perakaunan dan kewangan. Penekanan terhadap penghasilan kurikulum bersepadu dan komprehensif serta melantik tenaga pengajar terlatih merupakan faktor utama untuk meningkatkan jumlah peserta yang menyertai kursus di IPN.

Pada tahun 2024, sebanyak 490 siri kursus telah dilaksanakan dengan penyertaan seramai 20,631 peserta. Jumlah siri kursus ini meningkat sebanyak 16% berbanding 421 siri kursus pada tahun 2023.

PROGRAM SIJIL PENTAULIAHAN MPSAS (CMP)

Program Sijil Pentauliahan MPSAS telah mula dilaksanakan sejak tahun 2022. Pada tahun 2024 seramai lapan (8) pegawai yang terdiri daripada Akauntan dan Penolong Akauntan JANM telah menyertai program ini. Sehingga kini, keseluruhan 19 orang pegawai telah memperoleh pentauliahan CMP.

LATIHAN DAN TUGAS RASMI LUAR NEGARA

Peningkatan kompetensi pegawai JANM turut diperkukuhkan melalui latihan dan penglibatan dalam tugas rasmi di luar negara merangkumi kursus, persidangan, lawatan kerja dan mesyuarat. Seramai 48 orang telah menyertai program seperti berikut:

Kursus/Persidangan/Lawatan Kerja/Mesyuarat	Lokasi
IMF Workshop on Government Finance Statistics	Bali, Indonesia
2024 Public Expenditure Management Network in Asia (PEMNA) Treasury CoP Cambodia Meeting	Sihanoukville, Cambodia
ACCA Asia Pacific Dialogue 2024 : Weaving the Fabric of Tomorrow's Success Together	Hanoi, Vietnam
Lawatan Kerja 'Benchmarking' Sistem Pengairan Ladang Kelapa Sawit di Surat Thani, Thailand	Surat Thani, Thailand
Mesyuarat International Public Sector Accounting Standards Board (IPSASB)	Toronto, Kanada
CIPFA Annual Conference 2024: Public Finance Live	Manchester, United Kingdom
Lawatan Naziran iSPLN ke atas Pejabat Pemungut Cukai Kastam Persekutuan (Singapura)	Singapura
Mesyuarat International Public Sector Accounting Standards Board (IPSASB)	Brussels, Belgium
Mesyuarat International Public Sector Accounting Standards Board (IPSASB)	Riyadh, Arab Saudi
CPA Congress 2024	Canberra, Australia
Program Pembangunan Eksekutif di National Human Resources Development Institute (NHI)	Korea Selatan
Lawatan Kerja Panjar Luar Negeri di Suruhanjaya Tinggi Malaysia Wellington dan Pejabat Penasihat Pertahanan Wellington, New Zealand	Wellington, New Zealand
Veritas Executive Workshop	Melbourne, Australia
SAP Sapphire & ASUG Annual Workshop	Barcelona, Spain
Australian Cyber Conference	Las Vegas, Amerika Syarikat
Pengauditan Migrasi Data Baki Awal Aset dan Liabiliti Pusat Tanggungjawab Luar Negara	Abu Dhabi dan Dubai, Emiriah Arab Bersatu
Pengauditan Migrasi Data Baki Awal Aset dan Liabiliti Pusat Tanggungjawab Luar Negara	Hanoi, Vietnam
ARTDO International World Conference 2024	Da Nang, Vietnam
ASEAN Treasury Forum - First Meeting	Bali, Indonesia
The RSOG Advanced Leadership Development Programme: Leadership in Action	Bandung, Indonesia

Kursus/Persidangan/Lawatan Kerja/Mesyuarat	Lokasi
2024 ADB Regional Public Sector Accounting Forum	Makati City, Filipina
World Zakat and Waqf Forum 13th Annual Meeting & Conference	Jakarta, Indonesia
Steward Leadership Impact	Chiang Rai, Thailand
Building a High Performance Organization (HPO) in Public Sector - Japan Experience	Tokyo, Jepun



ASEAN Treasury Forum – First Meeting



PEMNA Treasury – Communities of Practice Cambodia Meeting



Program Pembangunan Eksekutif di National Human Resources Development Institute (NHI)
Republik Korea

PROGRAM SANGKUTAN/PENEMPATAN SILANG

JANM menyahut inisiatif kerajaan untuk memberi peluang penjawat awam mengikuti latihan dan pendedahan bagi tujuan pembangunan kompetensi dalam memacu pembangunan negara khususnya dalam bidang baharu melibatkan Program *Accelerated Industrial Attachment for Competency Excellence* (AICE) yang dilaksanakan dengan kerjasama Syarikat Berkaitan Kerajaan.

Objektif pelaksanaan program ini adalah seperti berikut:

- Membangunkan kepakaran dalaman dan kemahiran spesifik melalui penempatan di Syarikat Berkaitan Kerajaan di dalam negara.
- Meningkatkan kompetensi pegawai dalam bidang baharu.

Seorang pegawai JANM telah menjalani program AICE berkaitan pelaksanaan RPA selama enam (6) bulan di Telekom Malaysia Berhad.



Selain daripada itu, JANM juga menggalakkan pelaksanaan program sangkutan bagi pengukuhan kompetensi. Dua (2) orang pegawai JANM telah terlibat dengan program sangkutan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 18 hingga 31 Disember 2024. Program ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dan pengalaman pegawai serta memberi pendedahan secara langsung mengenai proses kerja sebenar penutupan akaun akhir tahun dan perkongsian aktiviti serta fungsi di Unit Akaun DBKL.

PENGURUSAN PENGETAHUAN (*KNOWLEDGE MANAGEMENT – KM*)

Pelbagai aktiviti *Knowledge Management* (KM) telah dilaksanakan sepanjang tahun untuk mengukuhkan pengurusan pengetahuan dalam jabatan. Sebanyak 1,338 program perkongsian pengetahuan telah dilaksanakan melibatkan 7,419 jam pada tahun 2024 dengan peningkatan sebanyak 70% bagi bilangan program dilaksanakan dan 138% bilangan jam berbanding tahun 2023.

Pada tahun 2024, sembilan (9) orang pegawai telah berjaya mendapat pentauliahnan sebagai *Certified Practitioner KM* (CPKM) seperti berikut:



Farhah Mohd Salleh
BPPP



Norzairin Nordin
BPOPA



Kamanuri Daud
BPAD



**Suhailah Sadaka
Dullah**
PPPA



**Muhammad Farid
Sa'don**
BA MOF



**Nor Azimah
Abd Manaf**
BPPP



**Nur Fatin Amirah
Samsudin**
BWTD



**Ts. Dr. Norzila
Ngadiman**
BPTM



**Muhammad Firdaus
Md. Rahman**
BPOPP

Anugerah Ikon KM Tahun 2024 telah dianugerahkan kepada Puan Naharriah Mohamed dari BPPP sempena Majlis Sambutan Hari Inovasi dan *Knowledge Management* JANM Tahun 2024 pada 22 Oktober 2024. Anugerah diberikan bagi menyuntik semangat warga JANM untuk terus membudayakan amalan KM.



Selain penganugerahan Ikon KM, JANM juga mengiktiraf Pasukan KM Terbaik JANM Tahun 2024 seperti berikut:



Tempat Pertama

Pasukan KM BWTD



Tempat Kedua

Pasukan KM BPOPP



Tempat Ketiga

Pasukan KM JANM Negeri Sarawak

SINERGI KEPAKARAN DAN KOLABORASI STRATEGIK DALAM PERAKAUNAN DAN KEWANGAN SEKTOR AWAM

PROJEK PENYELIDIKAN PERAKAUNAN DAN KEWANGAN SEKTOR AWAM

Projek Penyelidikan Perakaunan dan Kewangan Sektor Awam melalui tawaran geran kepada penyelidik Institut Pengajian Tinggi (IPT) telah diteruskan pada tahun 2024 khusus untuk menggalakkan pelaksanaan projek penyelidikan berkaitan sektor awam. Projek ini bertujuan mendokumentasikan maklumat empirikal yang boleh menyumbang kepada agenda transformasi JANM dalam amalan terbaik perakaunan sektor awam. Projek telah berjaya dilaksanakan melalui kerjasama dengan enam (6) IPT seperti berikut:

- Kaedah Terbaik Pengukuran Susulan bagi Aset Hartanah, Loji dan Peralatan Sektor Awam – Universiti Kebangsaan Malaysia
- *Artificial Intelligence in Public Sector Accounting: Opportunities and Challenges to Improve Service Delivery and Quality of Financial Reporting* – Universiti Malaysia Terengganu
- *Unraveling Growth Patterns: Government Development Expenditure, ASEAN Economic Performance and Policy Implications for Malaysia* – Universiti Malaysia Kelantan

- *Consolidation Method for Reporting Investments in Controlled Entity in the Menteri Kewangan Diperbadankan: Issues and Challenges* - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- *Data Analytics Framework for Continuous Audit Using Python: A Case Study of Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)* - Universiti Utara Malaysia
- *Developing a Succession Planning Framework for Public Sector Accountants' Talent Management Using Behavioral Event Interview Approach* - Universiti Teknologi MARA


KOLOKIU PENYELIDIKAN TAHUN 2024

Kolokium Penyelidikan Tahun 2024 yang merupakan program pembentangan penyelidikan dengan skala lebih besar dan terbuka kepada pegawai sektor awam pelbagai jawatan, ahli akademik dan juga orang awam telah dianjurkan secara dalam talian pada 2 Oktober 2024 melibatkan lima (5) sesi pembentangan seperti berikut:

Bil.	Tajuk Pembentangan	Nama Pembentang
1	Kaedah Terbaik Pengukuran Susulan bagi Hartanah, Loji dan Peralatan Sektor Awam	Dr. Norida Basnan Universiti Kebangsaan Malaysia
2	<i>AI in Public Sector Accounting: A Dual Perspective on Awareness, Challenges and Strategic Implementation in Malaysia</i>	Prof. Madya Dr. Azwadi Ali Universiti Malaysia Terengganu
3	<i>Unraveling Growth Patterns: Government Development Expenditure, ASEAN Economic Performance and Policy Implications for Malaysia</i>	Dr. Nurnaddia Nordin Universiti Malaysia Kelantan
4	<i>Consolidation Method for Reporting Investments in Controlled Entity in the Minister of Finance (Incorporated): Issues and Challenges</i>	Prof. Madya Dr. Shafie Mohamed Zabri Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
5	<i>Data Analytics Framework for Continuous Audit Using Python: A Case Study of Bahagian Pengurusan Audit Dalam, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)</i>	Prof. Madya Dr. Haslinda Hassan Universiti Utara Malaysia

PENERBITAN

Penerbitan *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management* Volume 14, No. 1, 2024 dan Volume 14, No. 2, 2024 telah berjaya diterbitkan pada 14 Jun 2024 dan 20 Disember 2024 dan boleh diakses secara dalam talian melalui laman web *IPN Journal* <https://jurnal.ipn.gov.my>, laman web MyJurnal dan sistem MyJMS.



**SIDANG EDITOR IPN JOURNAL OF RESEARCH AND PRACTICE IN
PUBLIC SECTOR ACCOUNTING AND MANAGEMENT**

Pengerusi
PUAN NOR YATI AHMAD

Timbalan Pengerusi
PUAN ZAINANI JUSOH

Ketua Editor
DR. AHMAD SHUKRI ABDUL GANI

PROF. DR. ZULKARNAIN MUHAMAD SORI
PROF. MADYA TS. DR. AIDI AHMI

Editor
PROF. YUSUF KARBHARI
DR. SITI ALAWIAH SIRAJ

PROF. NURKHOLIS
DR. HASLIDA ABU HASAN




Editor Penyelaras
SUHANA MAT NAWI

ANATI ZAWANA RAHMAT
AMRAN ABDULLAH

Pentadbir
SITI MUNIRAH AB MAGID
SITI ROHANI ABDUL HAMID
MOHD SHYAZALI SALLEH

NUR DIYANA MUSA
NIK NAZIFA NIK AB. HAMID

Selain itu, lima (5) monograf penyelidikan telah berjaya diterbitkan pada tahun 2024 di bawah inisiatif Geran Penyelidikan Perakaunan dan Kewangan Sektor Awam. Monograf boleh dimuat turun secara dalam talian di Portal Rasmi IPN.



KELULUSAN JURUAUDIT SYARIKAT

PERANAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA DALAM MENGAWAL SELIA KELULUSAN JURUAUDIT SYARIKAT DI BAWAH AKTA SYARIKAT 2016

Melalui peruntukan di bawah subseksyen 263(5) Akta Syarikat 2016, Menteri Kewangan II telah mewakili kuasa kepada Akauntan Negara Malaysia (ANM) bagi urusan permohonan kelulusan baharu, pembaharuan kelulusan dan pembatalan kelulusan sebagai Juruaudit Syarikat termasuklah dalam menetapkan syarat-syarat baharu, menggugurkan atau meminda syarat-syarat serta garis panduan sedia ada berkuat kuasa mulai 28 April 2017.

Tadbir urus berkaitan kelulusan Juruaudit Syarikat oleh ANM dilaksanakan melalui dua (2) jawatankuasa yang ditubuhkan secara pentadbiran seperti berikut:


1. Jawatankuasa Kelulusan Juruaudit Syarikat
2. Jawatankuasa Pengawas Juruaudit dan Penyelesai Syarikat

Sehingga 31 Disember 2024, jumlah Juruaudit Syarikat yang diluluskan adalah seramai 1,956 orang. Juruaudit Syarikat yang diluluskan mengikut komposisi kaum dan umur adalah seperti di bawah:

Umur	Kaum				Jumlah
	Melayu	Cina	India	Lain - lain	
>80 Tahun	0	35	1	1	37
70 – 79 Tahun	9	261	22	1	293
60 – 69 Tahun	33	296	31	4	364
50 – 59 Tahun	79	484	32	8	603
40 – 49 Tahun	38	339	17	3	397
30 – 39 Tahun	17	233	11	0	261
<30 Tahun	0	1	0	0	1
Jumlah	176	1,649	114	17	1,956

Kelulusan Juruaudit Syarikat dikawal selia melalui Jawatankuasa Pengawas Juruaudit dan Penyelesai Syarikat yang membabitkan beberapa agensi kawal selia utama iaitu MIA, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Jabatan Insolvensi Malaysia. Secara keseluruhannya, jawatankuasa ini berperanan penting dalam menentukan polisi, memantau dan mengesyorkan sebarang tindakan ke atas status kelulusan yang diberikan.

JANM PRIHATIN



JANM PRIHATIN

PROGRAM CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) JANM

KAMPUNG ANGKAT MADANI (KAM)

Melalui Belanjawan 2024, Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Program Kampung Angkat MADANI (KAM) bertujuan untuk merapatkan jurang antara desa dan bandar. JANM telah melaksanakan Program KAM di sekitar daerah Betong dan Lubok Antu, Sarawak melibatkan tujuh (7) buah rumah panjang, sebuah sekolah dan sebuah kolej vokasional. Projek yang terlibat adalah seperti berikut:

- Menaik taraf dan menyelenggara infrastruktur rumah panjang.
- Menaik taraf dan menyelenggara kemudahan Sekolah Kebangsaan Nanga Tebat.
- Menaik taraf kemudahan surau di Kolej Vokasional Betong.

Lebih daripada 1,300 orang yang terdiri daripada penduduk rumah panjang, pelajar dan kakitangan sekolah serta penuntut dan kakitangan kolej telah mendapat manfaat daripada pelaksanaan Program KAM JANM.


Selain itu, program gotong-royong turut diadakan pada 23 Julai 2024, melibatkan pengurusan JANM serta komuniti Kolej Vokasional Betong. Majlis penyerahan sumbangan kepada pihak yang terlibat telah diadakan pada 16 November 2024 di Sekolah Kebangsaan Nanga Tebat.



PROGRAM CSR BADAN KEBAJIKAN PERKHIDMATAN PERAKAUNAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (BERKAT)

BERKAT merupakan pertubuhan bertaraf kebangsaan yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 yang bermatlamat menjaga kebajikan ahli. Keahlian BERKAT terdiri daripada semua anggota yang berkhidmat di JANM di seluruh Malaysia serta semua anggota Perkhidmatan Perakaunan.

BERKAT memberi tumpuan kepada aspek kebajikan dan sumbangan kepada ahli yang layak berdasarkan Garis Panduan Sumbangan BERKAT. Sumbangan dan bantuan BERKAT bagi tahun 2024 adalah meliputi perkara berikut:



PROGRAM CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) KESAN

Kelab Sukan dan Kebajikan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (KESAN) adalah persatuan di bawah JANM yang ditubuhkan bertujuan untuk menjalankan kegiatan sukan, aktiviti kebajikan seperti CSR, kebudayaan, lawatan muhibah dan kegiatan lain yang berkaitan.

JANM telah melaksanakan program CSR bagi penanaman pokok dan pembersihan pantai melalui KESAN bersama rakan strategik iaitu Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Pejabat Perhutanan Daerah Johor Timur, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Program Penghijauan Malaysia ini melibatkan penanaman 100 batang pokok ru di Taman Eko Rimba, Teluk Arong, Mersing, Johor dan aktiviti pembersihan pantai di Pulau Besar, Mersing, Johor pada 18 hingga 20 Oktober 2024. Program ini bertujuan untuk memberi kesedaran pentingnya usaha melestarikan alam sekitar.

KESAN turut menyampaikan sumbangan tunai daripada pihak JANM kepada dua (2) organisasi tempatan iaitu Pusat Pemurnian Al-Quran, Mersing dan Masjid Jamek, Pulau Besar.



PROGRAM CSR RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM (AKRAB) JANM

Program CSR AKRAB JANM bersama komuniti orang asli, Kampung Kelewang Tasik Banding, Perak melibatkan 33 orang pegawai dari JANM dengan kolaborasi Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) pada 9 Julai 2024. Program ini melibatkan AKRAB JANM dan JKDM yang telah lulus penilaian pra AKRAB Tahap I dan II. Objektif program ini adalah untuk memberi bantuan kepada orang asli dengan menggunakan pendekatan psikologi dan kaunseling.



PROGRAM CSR “MENYANTUNI FAKIR JALANAN DI SEKITAR KUALA LUMPUR”

Program CSR “Menyantuni Fakir Jalanman di sekitar Kuala Lumpur” anjuran AKRAB dengan kerjasama strategik Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA), Persatuan Penolong Akauntan JANM (PERPENA), Persatuan Pembantu Akauntan Sektor Awam Malaysia (PERBAKTI), PUSPANITA JANM, KESAN, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) dan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah diadakan pada 29 Mac 2024 bertempat di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. Program ini juga mendapat kerjasama erat daripada Pertubuhan Jejak Jalanman, salah satu pertubuhan bukan kerajaan yang aktif di Jalan Chow Kit.


Program yang dirasmikan oleh YBrs. Puan Noorlida Mohd Khalid, Timbalan Akauntan Negara (Operasi) telah menyantuni seramai 300 gelandangan di sekitar Kuala Lumpur. Antara pengisian program ini adalah pengagihan bakul Ramadan, cenderahati, pakaian serta permainan kanak-kanak. Selain itu, turut diadakan solat tarawih berjemaah dan agihan juadah moreh kepada gelandangan.

Objektif pelaksanaan program ini adalah seperti berikut:

- Membantu golongan fakir jalanman dengan menyediakan bakul Ramadan bagi membantu meringankan beban.
- Memberi kesedaran sosial kepada masyarakat dan meningkatkan kesedaran tentang masalah sosial yang dihadapi oleh golongan gelandangan dan fakir jalanman.
- Mewujudkan perasaan empati, tanggungjawab sosial dan semangat kerjasama dalam kalangan warga jabatan.



DIARI 2024



DIARI MADANI JANM 2024



Seiring aspirasi Kerajaan MADANI, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024 yang berpaksikan enam (6) prinsip utama MADANI iaitu Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan.

Komitmen terhadap prinsip Kemampanan dizahirkan melalui penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) Tahun 2023 secara telus dan berakuntabiliti sekali gus memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap pengurusan fiskal negara. Usaha ini bukan sahaja mencerminkan integriti dalam pengurusan fiskal negara, malah memperkukuh keyakinan rakyat terhadap kebertanggungjawaban kewangan sektor awam.

Prinsip Kesejahteraan pula diterjemah melalui pendekatan inklusif dan proaktif dalam memperluas akses kepada Wang Tak Dituntut (WTD). Pembukaan reruai di seluruh negara membolehkan rakyat menuntut hak kewangan mereka secara lebih mudah, cepat dan mesra pengguna. Pada masa yang sama, JANM terus komited menyediakan perkhidmatan perakaunan dan kewangan yang berkualiti demi kesejahteraan rakyat.

Prinsip Daya Cipta ditonjolkan melalui penganjuran dan penyertaan dalam pelbagai program inovasi dan latihan berimpak tinggi yang menekankan inovasi digital dan kecekapan perkhidmatan awam berasaskan data.

Hormat dan Keyakinan disemai melalui penganjuran Majlis Amanat dan sesi perhimpunan serta lawatan korporat jabatan, agensi kerajaan, badan profesional dan rakan strategik dalam dan luar negara yang menjadi wadah dialog terbuka ke arah penambahbaikan berterusan dalam tadbir urus kewangan sektor awam.

Sementara itu, prinsip Ihsan diperkukuh menerusi penganjuran pelbagai program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) oleh JANM dan persatuan di bawahnya, dalam usaha membina modal insan dan memperkasa sahsiah dan jati diri warga dan generasi akan datang.

Berlandaskan nilai MADANI, JANM kekal komited untuk menerajui kecemerlangan dalam pengurusan perakaunan dan kewangan sektor awam demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.



26 Februari

Sesi Tandatangani Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) bersama Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP)



28 Februari

Penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) Tahun 2023 kepada Jabatan Audit Negara



23 April

Majlis Anugerah Apresiasi Kecemerlangan JANM Tahun 2023



30 Mei

Lawatan Akademik Universiti Malaysia Kelantan



4 Jun

Sesi Tandatangani Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) (Asas Akruan) bersama Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP)



7 Jun

Lawatan Akademik Universiti Teknologi MARA Johor



23-25 Julai

Persidangan Penolong Akauntan Sektor Awam Kebangsaan (PERPENA) 2024



5-7 Ogos

Persidangan Akauntan Sektor Awam Kebangsaan (NAPSAC) 2024



12 Ogos

Audit EKSA



17 Ogos

Program Khidmat Bakti Masyarakat JANM - Kolaborasi MBJ JANM & MBL Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)



13 September

Lawatan Akademik Sekolah Kebangsaan Nanga Tebat



3-4 Oktober

ASEAN Treasury Forum - Launching & First Meeting



13 September

Watikah Pelantikan Akauntan Baharu JANM



18-20 Oktober

Program CSR KESAN JANM dan Bank Muamalat Malaysia Berhad



30 Oktober

Lawatan Akademik Kolej Poly-Tech MARA

13 Disember

Lawatan Akademik Sekolah Kebangsaan Minyak Beku





3-7 Januari
Pembukaan Reruai WTD di Karnival BSN SSP di IOI City Mall Putrajaya



27-28 Januari
Pembukaan Reruai WTD di Labuan



1-4 Februari
Pembukaan Reruai WTD di Hari Terbuka Putrajaya 2024



9-11 Februari
Pembukaan Reruai WTD di Pesta Makanan Pasir Mas, Kelantan



23-25 Februari
Pembukaan Reruai WTD di Program MADANI Rakyat Zon Tengah



24-25 Februari
Jelajah WTD di Mydin Sandakan, Sabah



2-3 Mac
Program Outreach Kaunter WTD di Duesco, Star Mega Mall, Sibuan, Sarawak



26 - 27 Mac
Pembukaan Reruai WTD di Parlimen Sempena Perbahasan Rang Undang-undang (RUU) Akta WTD 370



5-7 Julai
Pembukaan Reruai WTD di Program MADANI Rakyat Zon Timur 2024



15-17 Ogos
Pembukaan Reruai WTD di Program MADANI Rakyat Zon Selatan 2024



16 Ogos
Pembukaan Reruai WTD Sempena Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) Ke-19 Tahun 2024



27-29 September
Pembukaan Reruai WTD di Program MADANI Rakyat Zon Sarawak



18-20 Oktober
Pembukaan Reruai WTD di Program MADANI Rakyat Zon Sabah



10 November
Pembukaan Reruai WTD di Tuai Rumah Bintulu



16-17 November
Pembukaan Reruai WTD Sempena Karnival Kewangan MADANI di Kompleks Ujana Kewangan, WP Labuan



22-24 November
Pembukaan Reruai WTD di Program 2 Tahun Kerajaan MADANI (2TM) di Kuala Lumpur Convention Centre, Kuala Lumpur



29 Januari

IPN Leadership Series: Seize the Future, Opportunities for the Profession (Public Sector)



30 April

Perasmian Anjung JANM



14 Mei

IPN Leadership Series: Developing ESG Mindset in an Organisation



10 Jun

CPD Series - Data Analytics



22 Oktober

Majlis Sambutan Hari Inovasi dan Knowledge Management JANM 2024



27 November

Majlis Anugerah Sijil Pematuhan SAGA 2024

**15 Januari**

Kunjungan Hormat Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat, Kementerian Kewangan

**16 Januari**

Kunjungan Hormat The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)

**29 Januari**

Kunjungan Hormat The Chartered Institute of Management Accountants (CIMA)

**13 Februari**

Kunjungan MIA ke Pejabat Akauntan Negara Malaysia



12 Mac
Kunjungan Hormat CIPFA



19 Mac
Kunjungan Hormat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak



1 April
Kunjungan Hormat Malaysia Professional Accountancy Centre (MyPAC)



6 Jun
Lawatan YB Menteri Kewangan II ke JANM



26 Ogos
Kunjungan Hormat TYMBA Education Group ke Pejabat Akauntan Negara Malaysia



12 September
Kunjungan Hormat CPA Australia



11 Januari
Majlis Amanat Tahun Baharu Akauntan Negara Malaysia 2024



15 Februari
Ceramah Israk Mikraj



21 Februari
Exit Audit iSMS BPTM



26 Februari
Ceramah Integriti bersama ASP Rahmat Fitri, Duta Anti Scammer



8 Mac
Ceramah Ambang Ramadan



13 Mac
Taklimat Rang Undang-undang Wang Tak Dituntut
(Pindaan) 2024



30 April
Program Bicara Integriti dan Ikrah Bebas Rasuah



24 Mei
Majlis Bacaan Yasin dan Meraikan Bakal Haji Warga JANM

**27 Mac**

Program Mawaddah Rahmah Ramadan 2024 JANM Bersama ANGKASA

**29 Mac**

Program CSR AKRAB JANM Bersama Komuniti


**31 Mei**

Mesyuarat Agung Dwi Tahunan BERKAT Kali Ke-12

**9 Disember**

Program Ceramah Kesihatan

LAMPIRAN



GLOSARI

AAK	Anugerah Apresiasi Kecemerlangan
ABT	Akaun Belum Terima
ACCA	Association of Chartered Certified Accountants
ACL	Audit Command Language
ADB	Asian Development Bank
AGD	Accountant General's Department
AI	Artificial Intelligence
AICE	Attachment for Competency Excellence
AKRAB	Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam
ANGKASA	Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad
ANM	Akauntan Negara Malaysia
APC	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
ASEAN	The Association of Southeast Asian Nations
BA MOF	Bahagian Akaun Kementerian Kewangan
BERKAT	Badan Kebajikan Perkhidmatan Perakaunan Akauntan Negara Malaysia
BKP	Bahagian Khidmat Perunding
BMMB	Bank Muamalat Malaysia Berhad
BPAD	Bahagian Pengurusan Audit Dalam
BPOPA	Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi
BPOPP	Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakauan
BPPP	Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan
BPTM	Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
BSP	Pelan Strategik Business
BWTD	Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut
CA ANZ	Chartered Accountants Australia and New Zealand
Cert IPSAS	Certificate in International Public Sector Accounting Standards
CFA	Chartered Financial Analyst
CFE	Certified Fraud Examiner
CI	Continuous Improvement
CIMA	Chartered Institute of Management Accountants
CIPFA	Chartered Institute of Public Finance and Accountancy
CMP	Certified MPSAS Practitioner
CORe	Center of Reference
CPA	Certified Practising Accountants
CPD	Continuing Professional Development
CPKM	Certified Practitioner Knowledge Management
CR	Change Request
CSR	Corporate Social Responsibility
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
EA	Enterprise Architecture

eGUMIS	<i>Electronic Government Unclaimed Money Information System</i>
EKSA	Ekosistem Kondusif Sektor Awam
ESG	<i>Environmental, Social and Governance</i>
eSPGL	Sistem ePenyata Gaji dan Laporan
eSPL	Sistem Pengurusan Latihan
GASAC	<i>Governmental Accounting Standards Advisory Council</i>
GPANM	Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia
GPN	Garis Panduan Naziran
HCM	Sistem Gaji Berkomputer
HPO	<i>High Performance Organization</i>
HRMIS	Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia
iABT	Sistem Integrasi Akaun Belum Terima
iAREF	<i>Integrated Audit Report and Feedback Management System</i>
ICAEW	<i>Institute of Chartered Accountants in England and Wales</i>
ICT	<i>Information and Communication Technology</i>
IES	<i>International Education Standard</i>
IFAC	<i>International Federation of Accountants</i>
igFMAS	<i>Integrated Government Financial Management Accounting System</i>
IMF	<i>International Monetary Fund</i>
iPayment	Sistem Terimaan Elektronik Kerajaan Persekutuan
IPN	Institut Perakaunan Negara
IPSAS	<i>International Public Sector Accounting Standards</i>
IPSASB	<i>International Public Sector Accounting Standards Board</i>
IPT	Institut Pengajian Tinggi
IR	<i>Integrated Reporting</i>
iRAO	<i>iReference for Accounting Office</i>
ISMS	<i>Information Security Management System</i>
iSPEKS	Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri
iSPK-AG	Sistem Pengurusan Kerjaya JANM
iSPLN	Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan
JANC	JANM Negeri/Cawangan
JANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
JKDM	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
JKP	Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Akruan
JPICT	Jawatankuasa Pemandu ICT
JPIs	Jawatankuasa Penasihat Piawaian Perakaunan Islam
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
JPKA	Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun
JPPA	Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan
JTK	Jawatankuasa Tatakelola

JUSA	Jawatan Utama Sektor Awam
KAM	Kampung Angkat Madani
KAN	Ketua Audit Negara
KESAN	Kelab Sukan Akauntan Negara
KKS	Kertas Kerja Sokongan
KM	<i>Knowledge Management</i>
KSN	Ketua Setiausaha Negara
KSP	Ketua Setiausaha Perbendaharaan
LADA	Lembaga Pembangunan Langkawi
MAPPA	Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MATEL	Modul Maklum Balas Teguran Lain
MBJ	Majlis Bersama Jabatan
MCI	<i>Management Consulting Institute</i>
MIA	<i>Malaysian Institute of Accountants</i>
MICPA	<i>The Malaysian Institute of Certified Public Accountants</i>
MJAR	Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Risiko
MOS	<i>Microsoft Office Specialist</i>
MPC	Perbadanan Produktiviti Malaysia
MPKA	Mesyuarat Pengarah dan Ketua Akauntan
MPP	Mesyuarat Penolong Pendaftar Wang Tak Dituntut
MPSAS	<i>Malaysian Public Sector Accounting Standards</i>
MyPAC	<i>Malaysia Professional Accountancy Centre</i>
MySTEP	<i>Short-Term Employment Programme</i>
NAPSAC	<i>National Public Sector Accountants Conference</i>
NCS	<i>National Competency Standard</i>
NHI	<i>National Human Resources Development Institute</i>
NLP	<i>Neuro Linguistic Programming</i>
OE DE	<i>Operating Expenditure, Development Expenditure</i>
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PEMNA	<i>Public Expenditure Management Network in Asia</i>
PERBAKTI	Persatuan Pembantu Akauntan Sektor Awam Malaysia
PERPENA	Persatuan Penolong Akauntan JANM
PKK	Penyata Kewangan Kementerian
PKKP	Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan
PKS	Polisi Keselamatan Siber
PP	Pekeliling Perbendaharaan
PPI	Piawaian Perakaunan Islam
PPIBZW	Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf
PPK	Piawaian Perakaunan Kerajaan
PPPA	Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan
PSA	Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia

PSP	Pelan Strategik Pendigitalan
PTJ	Pusat Tanggungjawab
PUSPANITA	Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia
RCM	<i>Risk Control Matrix</i>
RKB	Reformasi Kerenah Birokrasi
RPA	<i>Robotic Process Automation</i>
RSOG	<i>Razak School of Government</i>
RUU	Rang Undang-undang
SAA	<i>Self Assessment Audit</i>
SAGA	<i>Standard Accounting System for Government Agencies</i>
SDG	<i>Sustainable Development Goals</i>
SMART	<i>Strategic Management Accounting and Reporting</i>
SME	<i>Subject Matter Expert</i>
SOP	<i>Standard Operating Procedure</i>
SPANM	Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia
SPWTD	Sistem Penguatkuasaan Wang Tak Dituntut
STP	<i>Sewerage Treatment Plant</i>
TBG	<i>Task Based Group</i>
TNA	<i>Training Needs Analysis</i>
UN	<i>United Nations</i>
WP	Wilayah Persekutuan
WTD	Wang Tak Dituntut
YAPEIM	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia

JAWATANKUASA LAPORAN TAHUNAN JANM 2024

Penaung	: Puan Nor Yati binti Ahmad Akauntan Negara Malaysia
Pengerusi	: Encik Tarmizi bin Tamby Chik Pengarah Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP)
Pengerusi Ganti	: Puan Gloria Angela James Noah Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP)

Ahli Jawatankuasa Teknikal

Puan Lailatul Fadzillah binti Ideris	(BPOPA)
Puan Noor Shazreen binti Saleh	(BPAD)
Puan Rohaiza binti Hosni	(BKP)
Encik Ahmad Faizal bin Muhamed Ali	(BA MOF)
Cik Nor Azeema binti Omar	(BPPP)
Puan Husna binti Hela Ladin	(BWTD)
Puan Suhaida binti Mohd Dahlan	(BPOPP)
Encik Mohd Said bin Mohd Rais	(IPN)
Puan Siti Khatijah binti Samsudin	(BPTM)
Puan Nurul'Ain binti Jasmani	(PPPA)

Wakil Bahagian

Puan Noor Azimah binti Md Nor	(PPPA)
Puan Farhah binti Mohd Salleh	(BPPP)
Puan Hazian binti Baharom	(BA MOF)
Puan Norafnizar binti Ab Aziz	(PPPA)
Puan Azlina binti Suliman	(BKP)
Puan Nurul Fiza binti Ahmad	(BA MOF)
Encik Shaleh bin Hussain	(BPOPA)
Puan Siti Maliana binti Rahim	(BPTM)
Puan Anati Zawana binti Rahmat	(IPN)
Puan Siti Noorhawa binti Omar	(BWTD)
Puan Nur Fazlili binti Mohd Noor	(BA MOF)
Encik Nicholas Bujang	(BPAD)

Urus Setia

Encik Shamsuddin bin Abdul Wahab
Encik Muhammad Ghazaly bin Ab Rahman
Cik Hajar binti Abd Razak
Encik Hafidzul Luqman bin Azman
Puan Thohirah binti Abdul Rahman

Penghargaan

Pengerusi dan semua **Ahli Jawatankuasa**

Laporan Tahunan 2024

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyumbangkan masa, idea dan tenaga dalam penerbitan Laporan Tahunan JANM 2024 ini.

Excellent Accounting @ Your Service



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 Putrajaya

☎ 03 - 8882 1000
🌐 www.anm.gov.my

📘 Jabatan Akauntan Negara Malaysia
📺 Jabatan Akauntan Negara Malaysia
📷 official.janm
🎵 jabatan_akauntan

